

"SUPAYA kamu berada tetap di atas-Nya kemudian kamu mengingat nikmat Tuhan kamu apabila kamu berada tetap di atas-Nya serta kamu (bersyukur dengan) mengucapkan : Maha suci Allah yang telah memudahkan kenderaan ini untuk kami sedang kami sebelum ini tidak berdaya menguasainya. Dan sesungguhnya kami tentu akan kembali kepada Tuhan kami".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Az-Zukhruf, ayat 13-14.

MEMPERLUAS HUBUNGAN DUA HALA, KEBUDAYAAN, SUKAN, PERTUKARAN KEMAHIRAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kincsem Park di Budapest, Hungary. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3)

Berkenan hantar titah perutusan tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman dan kerajaan serta rakyat Kesultanan Oman bersempena dengan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman.



IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH

InfoDeptBN

Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



TANDA pengiktirafan atas usaha, kejayaan pelajar

Muka 6



USAHA berterusan memperkembangkan syarikat tempatan ke tahap lebih tinggi

Muka 11



STAHB adakan Hari Terbuka

Muka 18



RENCANA

KANAK-kanak, generasi penerus negara

Muka 28

Kolaborasi berkesan hasilkan pertumbuhan ekonomi mampan, kualiti kehidupan bermutu tinggi

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Selamat Pagi dan Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, kita dapat berkumpul pada pagi ini bagi sama-sama meraikan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 dengan tema 'Collaborating For Sustainable Growth'.

Tema sambutan bagi tahun ini tepat dengan kemajuan semasa, di mana ia memberi penekanan kepada kepentingan untuk berkolaborasi dalam membentuk perbandaran dan penempatan penduduk yang mampan, inklusif dan berdaya huni. Ini memerlukan satu bentuk kolaborasi rentas agensi yang kukuh dan sepadu bukan hanya di antara agensi kerajaan malahan dengan pihak swasta dan awam. Setiap pihak memainkan peranan strategik dalam memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial. Kita perlu melihat peranan perancangan bandar bukan hanya memfokuskan kepada pengurusan penggunaan tanah atau pembangunan fizikal, tetapi sebagai wadah kolaboratif yang menuntut penglibatan semua pihak.

Melalui kolaborasi yang berkesan adalah dihasratkan akan dapat menghasilkan pendekatan perancangan perbandaran yang lebih menyeluruh, sepadu, inklusif dan inovatif, selaras dengan matlamat Wawasan

Negara bagi mencapai pertumbuhan ekonomi mampan serta kualiti kehidupan yang bermutu tinggi.

Pada hari ini sejumlah lapan Garis Panduan Perancangan akan dilancarkan, di mana lima Garis Panduan Baharu dan tiga Garis Panduan Pindaan bagi memperkukuh ekosistem perancangan perbandaran mampan negara. Ini antaranya adalah :

1. Garis Panduan Pindaan bagi Pemecahan dan Penyatuan Tanah, yang mengandungi beberapa pindaan bagi penggunaan tanah optimum melalui pindaan kepada beberapa parameter perancangan seperti keluasan minima bagi setiap plot pecah bahagi tanah.

2. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Bagi Kebenaran Perancangan, yang bertujuan untuk menjana persekitaran kemajuan yang teratur dan selamat dengan memperincikan jenis-jenis kemajuan yang memerlukan Kebenaran Perancangan.

3. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Pertanian, ia adalah hasil kolaborasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang mengandungi beberapa piawaian perancangan guna tanah optimum bagi mendukung dasar keterjaminan makanan negara.

4. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Sukan Rekreasi, yang mengandungi piawaian perancangan tertentu dalam memperkukuh ekosistem penempatan kemudahan sukan bagi menggalakkan gaya hidup sihat.

5. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Premis Penginapan Pelancong, adalah hasil kolaborasi dengan Jabatan Pelancongan yang mengenal pasti jenis-jenis premis penginapan pelancong mengikut lokasi yang ditetapkan, serta mengandungi parameter perancangan tertentu dalam mendukung perkembangan sektor pelancongan di negara ini.

6. Garis Panduan Pindaan Bagi Kemajuan Industri, mengandungi beberapa pindaan bagi menyelaraskan parameter perancangan tertentu dalam memperkukuh ekosistem perkembangan sektor industri secara sepadu.

7. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Suplementari Bagi Kegiatan Industri Bengkel dan Automobil, mengandungi parameter perancangan tertentu bagi mengawal kegiatan bengkel dan kegiatan sampingan lain dijalankan di tempat yang bersesuaian, teratur dan selamat.

8. Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Suplementari Bagi Kemajuan Gudang, Penyimpanan Barang dan Kenderaan, memperincikan lokasi yang dibenarkan serta mengandungi parameter perancangan tertentu bagi mengawal kegiatan berkenaan secara teratur dan selamat.

Adalah menjadi harapan kita bersama agar setiap usaha perancangan seperti ini akan dapat membentuk persekitaran perbandaran yang lestari, tersusun dan



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid semasa berucap pada Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 pada Isnin, 10 November 2025 bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

berdaya saing. Dalam merealisasikan harapan ini, peranan buku-buku garis panduan yang dilancarkan pada hari ini amatlah penting sebagai panduan dan rujukan pihak berkepentingan khususnya pihak awam serta para profesional dan pemaju yang terlibat dalam industri pembinaan.

>> Muka 9

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER	JAMADILAKHIR									
MASIH	HARI	HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
22	SABTU	1	4.38	4.48	6.10	6.34	12.07	3.29	6.03	7.16
23	AHAD	2	4.38	4.48	6.10	6.34	12.08	3.29	6.03	7.16
24	ISNIN	3	4.39	4.49	6.11	6.34	12.08	3.30	6.03	7.16
25	SELASA	4	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	RABU	5	4.39	4.49	6.11	6.35	12.09	3.30	6.04	7.17
27	KHAMIS	6	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17
28	JUMAAT	7	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI										
SABTU			AHAD			ISNIN				
Bandar Seri Begawan										
32	25		32	24		31	24			
Pekan Bangar										
30	24		31	24		31	24			
Pekan Tutong										
31	24		31	24		31	24			
Kuala Belait										
30	24		31	24		31	24			

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 22 NOVEMBER 2025

Mengingati mati : Ibadah, pedoman hidup

DALAM ketaksuban manusia mengejar kemewahan, pangkat dan segala bentuk kenikmatan dunia, ada satu hakikat besar yang semakin pudar daripada ingatan kita: kehidupan ini hanyalah sementara.

Dunia seolah-olah menjadi pentas utama yang menguasai seluruh perhatian sehingga kita lupa bahawa setiap langkah yang diambil sentiasa menghampiri satu destinasi pasti iaitu kematian.

Sesungguhnya, kematian bukanlah suatu kemungkinan, tetapi kepastian. Namun, ia tetap menjadi perkara yang paling jarang difikirkan dan paling mudah dilupakan.

Kematian adalah pemutus, yang memisahkan manusia dari kehidupan, meninggalkan segala yang dimiliki, tiada harta dan tiada teman, dibalut dengan kain putih dan tinggalkan mereka itu dalam tanah yang penuh kegelapan dan bersendirian.

Maka, usah kita alpa dibuai urusan dunia dan kesenangannya, tetapi jadikanlah ingatan kepada kematian sebagai peringatan berterusan.

Hakikatnya, mengingati mati bukan sekadar satu ibadah, tetapi juga menjadi pedoman agar kita menjalani hidup dengan lebih bermakna dan seimbang.

Sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala mengingatkan kita dalam Surah Ali-Imran, ayat 185:

Tafsirnya : "Tiap-tiap yang bernyawa pasti akan merasakan mati. Dan hanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Maka sesiapa yang dijauhkan dari neraka dan dimasukkan ke syurga, maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan kehidupan dunia ini tidak lain hanyalah kesenangan yang memperdayakan".

Kesedaran terhadap kematian mendorong kita melakukan lebih banyak kebaikan dan meninggalkan perbuatan sia-sia. Ia menjadi peringatan berterusan untuk menilai diri, memperbaiki amal dan menghindarkan diri daripada perkara maksiat.

Dengan mengingati mati, kita belajar menghargai masa yang Allah berikan dan menjadi lebih berhati-hati dalam kata-kata serta tindakan. Kita juga terdorong menjauhi pertikaian yang tidak penting dan menghargai keluarga serta rakan-rakan. Setiap hari hadir sebagai kesempatan untuk menguatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan memperbaiki interaksi sesama manusia.

Adapun langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk kita mengingati mati adalah dengan bermuhasabah diri, membayangkan saat-saat kematian, membayangkan keadaan diri apabila berada di dalam kubur, membayangkan seksaan-seksaan dan azab ketika di dalam kubur dan dengan membaca kisah-kisah berkaitan dengan kematian.

Dalam hiruk-pikuk dunia yang sentiasa menuntut perhatian, marilah kita berhenti sejenak, melihat jauh ke dalam diri, dan bertanya: ke mana sebenarnya arah hidup yang sedang kita kejar? Kerana pada akhirnya, setiap manusia akan pulang, meninggalkan segala kemewahan yang pernah dikecap, kembali kepada yang Maha Mencipta.

Dunia ini hanyalah tempat singgah menuju akhirat. Maka, marilah kita memperbanyakkan amal dan meninggalkan perkara yang sia-sia.

Semoga kita menjadi hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak pernah lupa akan kematian, sehingga kehidupan kita di dunia diberkati dan dikurniakan tempat yang mulia di sisi-Nya di akhirat nanti. - **Ketua Penyuntingan (Na)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دریختکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERANGKAT BALIK MENINGGALKAN BUDAPEST, HUNGARY

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan (kanan sekali), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar ramai sebelum meninggalkan Budapest, Hungary selepas mengadakan lawatan ke Kincsem Park.



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

BUDAPEST, HUNGARY, Rabu, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat meninggalkan Budapest, Hungary hari ini selepas mengadakan lawatan ke Kincsem Park.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Liszt Ferenc Budapest bagi menyampaikan ucapan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Director-General of the Sándor Palace, Dr. Timár István Szilveszter dan Chief of Protocol of the Sándor Palace, Puan Katinka Kónya.

Turut hadir, Menteri di Jabatan

Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof dan Chargé d'Affaires ad interim di Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Brussels, Kingdom of Belgium (Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam Tidak Menetap ke Hungary), Jefferson Leong Weng Hong.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berangkat meninggalkan Budapest, Hungary (kiri sekali dan kiri).

Memperluas hubungan dua hala, kebudayaan, sukan, pertukaran kemahiran



BUDAPEST, HUNGARY, Rabu, 19 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kincsem Park di Budapest, Hungary.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di Kincsem Park, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok; Menteri Pertahanan Hungary, Tuan Yang Terutama Kristóf Szalay-Bobrovniczky; dan Chief Executive Officer of Kincsem Park, Mr. Adam Szotyori Nagy.

Kincsem Park merupakan pusat lumba kuda nasional Hungary dan salah sebuah institusi sukan berkuda tertua di negara tersebut, terkenal dengan sejarah tradisi *equestrian* dan peranannya dalam memelihara warisan sukan berkuda Hungary.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudian berangkat menyaksikan pertunjukan demonstrasi berkuda yang mempamerkan kemahiran dan tradisi *equestrian* Hungary serta berkenan mendengar sembah penerangan mengenai peranan Kincsem Park dalam pembangunan sukan berkuda negara berkenaan.

Lawatan ke Kincsem Park berkenaan mencerminkan salah satu peluang bagi kedua-dua negara dalam memperluas hubungan dua hala, khususnya dalam aspek kebudayaan, sukan dan pertukaran kemahiran.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat mengadakan lawatan ke Kincsem Park di Budapest, Hungary. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas). Sementara gambar atas kiri, keberangkatan tiba di Kincsem Park, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SANTAP MALAM GALA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala bersempena Keberangkatan Negara yang dihoskan oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok (atas dan bawah kanan). Manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam disembahkan kepada salah seorang jemputan khas.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Hernie Suliana Haji Othman

BUDAPEST, HUNGARY, Selasa, 18 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala bersempena Keberangkatan Negara yang dihoskan oleh Presiden Hungary, Tuan Yang Terutama Dr. Tamás Sulyok.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Majlis berkenaan diadakan di Museum of Fine Arts di Budapest, Hungary, sebuah institusi seni tersohor yang menempatkan koleksi seni klasik dan moden dari seluruh Eropah.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Hungary dan baginda seterusnya disembahkan kepada jemputan-jemputan khas.

Majlis tersebut diserikan dengan beberapa persembahan kebudayaan yang menampilkan keunikan warisan seni Hungary.



8 acara sukan dipertandingkan pada ASG14



Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hasif Matzin



BERAKAS,

Khamis, 20

November. -

Seramai 981

atlet-pelajar

yang disertai

daripada 10

buah negara

ASEAN akan

bertanding pada

Sukan

Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) bagi lapan acara sukan, iaitu badminton, bola keranjang, bola jaring, olahraga, sepak takraw, renang, pencak silat dan wushu.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan ASG14 yang bermula hari ini hingga 28

November 2025 diadakan petang tadi di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif ASG14.

Majlis dimulakan dengan perbarisan lalu kontinjen dan pegawai-pegawai teknikal. Turut berangkat menyertai perbarisan lalu berkenaan ialah anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji

Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah yang akan turut serta dalam sukan olahraga.

Seterusnya, majlis diikuti dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) 'Allah Peliharakan Sultan'.

Majlis diteruskan lagi dengan ucapan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja ASG14, dan disusuli dengan ucapan daripada Timbalan Menteri Pendidikan dan Sukan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Kingmano Phommahaxay, selaku Presiden Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC).

Selepas itu, tetamu kehormat majlis merasmikan pembukaan ASG14 dan diikuti dengan Upacara Menaikkan Bendera ASG. Tetamu kehormat majlis kemudiannya diperkenalkan kepada ketua-ketua kontinjen.

Majlis kemudian diteruskan lagi dengan lkrar ASG14 yang dipimpin oleh atlet-pelajar sukan olahraga, Awang Abdullah Abbas bin Awang Abdullah, selaku wakil atlet-pelajar dan Timbalan Pengetua Sukan, Sekolah Sukan, Awang Haji Mohd. Azrin bin Haji Aji, selaku



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Muneerah Madhul Bolkiah binti Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berangkat pada Majlis Pembukaan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) (atas), sementara gambar kiri, suasana Majlis Pembukaan ASG14 yang telah berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

wakil pegawai teknikal.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan yang mengandungi tiga segmen, iaitu Segmen 1 : Tarian Citra Gemilang, Tarian Aduk-aduk, serta lagu medley ASEAN; diikuti Segmen 2 : persembahan gerak cergas yang bertemakan 'Semangat Juara ASEAN'. Kedua-dua segmen persembahan berkenaan merupakan gabungan pelajar daripada sekolah-sekolah menengah dan rendah kerajaan serta swasta di NBD.

Manakala Segmen 3 : persembahan penutup kemuncak, iaitu nyanyian lagu

rasmi ASG14 yang dinyanyikan oleh pelajar dari Laksamana College of Business (LCB).

Tema rasmi kejohanan pada tahun ini ialah 'Dream, Strive, Achieve', yang diadaptasi daripada perambahan NBD, 'Bekarih, Bejarih, Belurih'. Moto berkenaan mengajak para atlet-pelajar untuk mencapai impian melalui usaha yang tekun dan berdisiplin serta semangat juang, dan kerja keras.

Untuk maklumat lanjut mengenai ASG14, orang ramai boleh mengikuti Instagram rasmi ASG14 di @14thASEANSchoolsGames.

Naubat dibuka semula

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hasif Matzin



MAJLIS Istiadat Membuka Naubat berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang menjadi Kepala Majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Naubat telah sempurna dibuka semula setelah ditutup selama tujuh hari berikutan kembalinya ke rahmatullah Allahyarhamah Yang Mulia Pengiran Anak Hajah Kamillah binti Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kemaludin Al-Haj pada Khamis, 21 Jamadilawal 1447

Hijrah bersamaan 13 November 2025 Masihi yang lalu.

Sehubungan itu, setelah tempoh berkenaan berlalu, Majlis Istiadat Membuka Naubat berlangsung di Lapau lewat petang tadi di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar yang menjadi Kepala Majlis berkenaan.

Pada majlis berkenaan, bacaan Tahlil serta Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan kemudiannya memimpin bacaan Doa Selamat (Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam).

Sejurus memasuki waktu Maghrib, azan dikumandangkan oleh Begawan Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong.

Majlis seterusnya disusuli dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri

Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Menghadap dan menyembahkan kepada Kepala Majlis bagi memulakan dan kemudiannya untuk menutup majlis, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Berangkat dan hadir pada majlis berkenaan terdiri daripada Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Menteri-menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis-majlis Mesyuarat, Timbalan-timbalan Menteri, Pengiran-pengiran Peranakan, Pehin-pehin Manteri, Manteri-manteri Hulubalang dan Manteri-manteri Pendalaman serta para jemputan khas.

Naubat adalah Alat Kebesaran Diraja utama yang menjadi simbol kebesaran negara dan ia melambangkan kedaulatan sultan

BACAAN Tahlil serta Doa Tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

yang memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sejak mula lagi, Naubat dititir setiap hari selagi ada hayat sultan yang memerintah. Apabila sultan yang memerintah itu lindung, Gendang Naubat itu ditutup (diberhentikan / tidak dititir) sehingga sultan yang baharu itu dipuspankan.

Demikian juga apabila keluarga diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-pengiran Peranakan mangkat atau kembali ke rahmatullah, Gendang Naubat ini akan ditutup menurut bilangan hari yang ditetapkan dan akan dibuka dengan penuh istiadat.



SESI PERMUZAKARAHAN TINGKATKAN KUALITI, PENYELESAIAN PERKHIDMATAN AGAMA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Sesi Permuzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Dilantik dengan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi MMN Kali Ke-22, Tahun 2026 Masihi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Program Keusahawanan Asnaf PROPAZ kini berada di Fasa 3 dengan 13 peserta menjalani latihan praktikal di Kafe Pengupayaan Asnaf. Latihan meliputi empat bahagian iaitu *hot kitchen*, *barista*, pengendalian Point of Sale (POS) System dan penyelenggaraan ruang kafe dan dapur.

Pengurusan zakat juga diperkukuh melalui penambahbaikan proses *inquiry*, kerjasama rapat dengan JAPEM dan pemimpin masyarakat, penggunaan Microsoft 365 Teams bagi pemantauan serta pengurusan data yang cekap.

Perkara tersebut antara yang dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, dalam ucapan alu-aluannya pada Sesi Permuzakarah antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Dilantik dengan

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) bagi MMN Kali Ke-22, Tahun 2026 Masihi bertempat di Dewan Multaqa, KHEU, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Pembangunan Sistem Tempahan Dalam Talian untuk pembayaran zakat sedang dalam proses uji kaji dan dalam fasa akhir perlaksanaannya, selain itu usaha-usaha promosi juga dilaksanakan melalui media sosial, siaran radio harian dan penerbitan video dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei (RTB).

Menyentuh mengenai pembangunan masjid di bawah Rancangan Kemajuan Negara, Yang Berhormat menjelaskan, ia menunjukkan kemajuan dengan tiga projek Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lumut, RPN Rimba dan RPN Lugu sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2026. Tujuh projek lain berada dalam fasa tender atau reka bentuk dan dijangka siap antara 2027 hingga 2030.

Di bawah Tabung Dana bagi

Pembinaan Masjid tambah Yang Berhormat, Projek Kampung Lamunin dan Kampung Ukong sedang dilaksanakan, manakala beberapa projek lain berada dalam fasa reka bentuk dan penyediaan dokumen tender. Dari Januari hingga September 2025, sebanyak 154 program masjid telah dijalankan merangkumi Bahagian Imarah, Hal Ehwal Muslimah, Bahagian Belia dan Bahagian Bimbingan dan Latihan.

Mengenai pematuhan halal, Yang Berhormat menyatakan, ia dipantau melalui pemeriksaan berkala dan mengejut di kedai serta premis makanan. Usaha untuk menubuhkan Rakan Belia Halal (RaBelLa) sedang dirancang bagi mengembangkan penglibatan belia dalam ekosistem halal.

Dari segi penyampaian perkhidmatan, ujar Yang Berhormat, penambahbaikan TPOR yang menetapkan tempoh pemprosesan 44 hari bekerja meningkatkan kadar pematuhan daripada 29 peratus kepada 86 peratus. Mulai 1 Januari 2025 sehingga 23 Oktober 2025, sebanyak 781 permohonan

diterima, dengan majoriti telah diluluskan sebanyak 66 peratus, 28 peratus masih dalam proses, dua peratus merupakan pengecualian dan empat peratus adalah permohonan yang dibatalkan.

Kemudian, sesi diikuti dengan ucapan balas daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir selaku Ketua Rombongan, antara lain, menaruh harapan melalui perkongsian penerangan dan fungsi infrastruktur KHEU dalam Sesi Permuzakarah pagi ini akan memberikan buah fikiran kepada Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dalam misi mendapatkan maklumat serta memberikan pandangan dan cadangan antara kedua-dua belah pihak sebagai salah satu platform ke arah *membisakan* lagi mutu perkhidmatan yang sedia ada di KHEU.

Majlis diteruskan dengan taklimat disampaikan oleh Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang menerangkan mengenai pencapaian KHEU dengan memfokuskan kepada topik-topik iaitu Pelan Strategik KHEU 2025-2029 yang menetapkan hala tuju baharu bagi memperkasa perkhidmatan agama yang berkualiti dan berinovatif; Rumusan Sesi Dialog KHEU Bersama Pemimpin Akar Umbi dan Pihak Berkepentingan yang telah diadakan di keempat-empat daerah pada bulan Julai lalu adalah sebagai platform untuk bertukar pandangan, mengenal pasti cabaran dan merangka strategi penambahbaikan perkhidmatan agama; Rumusan Dapatan Kaji Selidik mengenai tahap kepuasan orang ramai terhadap perkhidmatan agama KHEU; Proses Kerja Sistem Kebajikan Negara (SKN) Pengurusan Tekad Pemudulan Orang Ramai yang secara keseluruhannya ialah usaha penambahbaikan proses

kerja SKN dalam pengurusan hal ehwal zakat; dan Pengurusan Bangunan dan Pemeliharaan serta Fasiliti Masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam.

Atur cara diteruskan dengan Sesi Permuzakarah antara Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dengan pihak KHEU.

Sesi Permuzakarah ini merupakan manifestasi usaha strategik KHEU untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan agama di negara ini ke tahap yang lebih tinggi selain untuk mencari jalan penyelesaian bagi isu-isu berbangkit, menambahbaik cara pelaksanaan perkhidmatan agama dan juga menjadi wahana *learning zone* kepada kedua belah pihak.

Terdahulu itu, sebelum Perjumpaan Muhibah bermula, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN berpeluang menyaksikan Pameran (Showcase) mengenai Proses Kerja Pengurusan Perkhidmatan Tekad Pemudulan Orang Ramai (TPOR) bagi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan Jabatan Hal Ehwal Syariah di bawah KHEU.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Sellahhuddin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Pemangku Ra'ies Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Haji Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim serta ketua-ketua jabatan dan bahagian di bawah KHEU.

TANDA PENGIKTIRAFAN ATAS USAHA, KEJAYAAN PELAJAR

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Ke arah mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035, iaitu untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Jabatan Pengajian Islam (JPI) pagi tadi mengadakan Majlis Penghargaan dan Kesyukuran Kejayaan Pelajar-pelajar Sekolah Arab dalam Pertandingan-pertandingan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis yang diadakan buat julung kalinya berkenaan bertujuan meraikan seramai 54 pelajar persekolahan Arab sebagai tanda penghargaan atas usaha dan kejayaan para pelajar serta inisiatif pihak sekolah dalam menyertai pelbagai pertandingan bertemakan STEAM di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Majlis diadakan di Dewan Bankuet, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, Bangunan Dewan Majlis, Jalan Dewan Majlis, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Mistle bin Haji Abd. Karim serta pegawai-pegawai kanan KHEU lainnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar dipimpin oleh Pegawai Pelajaran Ugama, JPI, KHEU, Awang Mohammad Zamery bin Haji Nayan.

Seterusnya, ucapan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, JPI, Dayang Hajah Mariana binti Haji Jamil, selaku Pengerusi Majlis, yang antara lain menyatakan kepentingan STEAM dalam arus pendidikan negara telah pun ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-39, Tahun 1444H / 2023M.

Menurutnya, petikan titah berkenaan memberi isyarat yang

sangat jelas bahawa kemahiran STEAM bukan lagi pilihan sampingan, bahkan satu keperluan strategik negara.

Tambahnya, ia adalah pemangkin penting dalam meneruskan pembangunan negara yang mapan, selari dengan Wawasan Brunei 2035 yang mengimpikan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Penyertaan pelajar sekolah Arab dalam Pertandingan STEAM tekannya, bukan sekadar bertanding, tetapi memberi peluang kepada mereka meneroka kreativiti, mengasah pemikiran kritis, dan mencipta solusi inovatif yang boleh menyumbang kepada masyarakat, negara dan agama.

Majlis turut diserikan dengan tayangan video tentang penglibatan para pelajar dalam pertandingan-pertandingan STEAM, diikuti dengan penyampaian Geran Pendidikan oleh tetamu kehormat majlis dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, selain penyertaan pelajar-pelajar sekolah Arab dalam pertandingan BICTA 2025, antara pencapaian terkini lagi membanggakan adalah penyertaan dua pelajar Sekolah Arab Sultan Haji Hassanul Bolkhia dan seorang pelajar Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ke acara FIRST



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil pada Majlis Penghargaan dan Kesyukuran Kejayaan Pelajar-pelajar Sekolah Arab dalam Pertandingan-pertandingan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Global Robotics Challenge 2025 di Panama City, Panama pada 27 Oktober hingga 2 November 2025.

Penglibatan pelajar-pelajar berkenaan ke acara berkenaan adalah melalui pelaksanaan Program STEAM Adopt-a-school, Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang telah memberi pendedahan dan pengalaman berharga kepada para pelajar dalam bidang robotik dan inovasi teknologi, di samping memperluaskan jaringan ilmu serta

hubungan kerjasama bersama peserta dari negara-negara lain.

Penganjuran majlis merupakan salah satu wadah pengiktirafan atas usaha dan kejayaan para pelajar yang diraikan bagi menyemai budaya kecemerlangan, inovasi dan daya saing dalam kalangan pelajar, di samping tanda sokongan berterusan pihak JPI, KHEU dalam memperkasa pendidikan berteraskan STEAM di persekolahan Arab di negara ini.

Membina persekitaran selamat, beretika, sejahtera untuk kanak-kanak

Siaran Akhbar dan Foto :

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Sejak 1954, Hari Kanak-kanak Sedunia (World Children's Day - WCD) disambut pada setiap 20 November, bagi menzahirkan komitmen terhadap prinsip yang terkandung dalam Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Kanak-kanak (Convention on the Rights of the Child - CRC).

Tahun ini menandakan sambutan WCD yang Ke-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan tema 'Listen to the Future' atau 'Dengarkan Suara Masa Depan', yang menekankan kepentingan mendengar dan menghargai pandangan kanak-kanak sebagai cerminan masa depan negara serta memastikan suara kanak-kanak menjadi panduan dalam membina persekitaran yang selamat, beretika dan sejahtera untuk mereka.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, pelbagai usaha dan strategi telah digariskan bagi memperkukuh institusi keluarga, melindungi kanak-kanak dan memperkasa masyarakat secara holistik dan pendekatan senegara.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dalam perutusan sempena WCD 2025.

Jelas Yang Berhormat, ini termasuk pelaksanaan Pelan Tindakan Kesejahteraan Kanak-kanak di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial dan Social Blueprint di bawah Wawasan Brunei 2035. Inisiatif dalam Pelan Tindakan berkenaan termasuklah Rangka Kerja Perlindungan Kanak-kanak Dalam Talian (Child Online

Protection Framework) (2013) bagi menyelaraskan tindakan agensi-agensi berkepentingan dalam melindungi keselamatan kanak-kanak di dunia siber, dan Rangka Kerja Perlindungan Kanak-kanak (National Framework on Child Protection) (2021) sebagai panduan kebangsaan dalam membangun ekosistem perlindungan kanak-kanak yang sedia ada.

Tambah Yang Berhormat lagi, di peringkat kebangsaan, pada 2024, terdapat sebanyak 114,500 kanak-kanak dan orang muda berumur di bawah 18 tahun, iaitu 25.14 peratus daripada jumlah penduduk. NBD terus menjalankan komitmen yang tinggi dalam memastikan hak dan perlindungan kanak-kanak sentiasa dipelihara, dan masyarakat *kitani* sentiasa menekankan pentingnya pendidikan, kesihatan, kebajikan, keselamatan dan perlindungan kanak-kanak agar mereka dapat membesar dalam suasana yang aman, sejahtera dan penuh kasih sayang memandangkan kanak-kanak adalah aset masa depan negara.

"Tahun-tahun awal perkembangan kanak-kanak amat penting dalam membentuk pertumbuhan dan kesejahteraan mereka pada masa hadapan. Menyedari kepentingan ini, sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru NBD Kali Ke-35 Tahun 2025, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengenai pembentukan sebuah Kerangka Pendidikan dan Penjagaan Awal Kanak-kanak Kebangsaan yang Komprehensif yang akan dipimpin oleh

Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, bersama pihak berkepentingan, bagi menjamin pendidikan awal (*early childhood intervention and education*) yang inklusif, berkualiti, menyeluruh dan berteraskan nilai agama Islam.

"Dalam dunia moden dan digital yang penuh cabaran pada masa kini, kanak-kanak juga perlu dibimbing dan diasuh dengan bijaksana serta dilindungi daripada ancaman yang semakin kompleks, terutamanya yang mungkin datang melalui ruang digital.

"Oleh itu, kami mengalu-alukan usaha yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi untuk membangunkan dan melindungi kanak-kanak kita melalui pelbagai program, termasuk Sustainable Development Goals (SDG) Youth Camp yang dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sokongan pelbagai agensi pada Ogos 2024, untuk meningkatkan kesedaran tentang Matlamat Pembangunan Mampan serta membina kemahiran kepimpinan dan pemikiran kritikal," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya mengongsikan pelancaran Garis Panduan Penggunaan Skrin Mengikut Umur di NBD telah diterbitkan oleh Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC), Kementerian Kesihatan pada Disember 2024, di bawah kempen 'Disconnect to Reconnect', bertujuan membantu ibu bapa mengawal penggunaan skrin anak-anak dan memupuk hubungan kekeluargaan lebih sihat.

Seterusnya, pelaksanaan Pelan Tindakan Serantau ASEAN mengenai Penghapusan Keganasan terhadap Kanak-kanak (RPA on EVAC) pada Jun 2025, yang sesi konsultasi telah diadakan bersama kanak-kanak dalam

situasi rentan mengenai isu buli siber menunjukkan betapa pentingnya suara kanak-kanak dalam merangka dasar dan tindakan perlindungan yang lebih menyeluruh.

Bengkel Perlindungan Kanak-kanak Dalam Talian (Child Online Protection) yang dianjurkan oleh Cyber Security Brunei pada Jun 2025 jelas Yang Berhormat, menyeru kerjasama rentas agensi dalam memperkukuh langkah pencegahan, mekanisme pelaporan, dan perlindungan dalam talian.

Program-program kesedaran tambah Yang Berhormat lagi, telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Islam mengenai Pengaruh Media Sosial terhadap pelajar sekolah, Program Celik IT dan Program Hidup Berpanduan Sunnah, yang menekankan adab serta keseimbangan dalam penggunaan teknologi dan bertujuan mendidik pelajar menjadi pengguna digital yang beretika dan berfikir matang dalam era keselamatan siber masa kini.

"Acara Kemuncak WCD kali Ke-19 di NBD tahun ini ialah 'World Children's Day Celebration', yang merupakan kerjasama antara Kementerian Kesihatan, dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta disokong oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), yang dianjurkan oleh Brunei Paediatric Society.

"Acara ini akan diadakan pada Ahad, 23 November 2025 di OneCity Shopping Complex dan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai kesihatan, kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak," kata Yang Berhormat.

Di samping itu jelas Yang Berhormat lagi, beberapa acara telah pun dirancang sempena sambutan tahun ini termasuklah Majlis Kesyukuran dan Doa Selamat sempena Sambutan WCD



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan perutusan sempena Hari Kanak-kanak Sedunia 2025.

yang diadakan di sekolah-sekolah seluruh daerah, serta Doa Qunut Nazilah untuk kanak-kanak rakyat Palestin di Gaza, Forum dan Bengkel : Voices of Children – Listen to the Future: Connect and Protect, WCD 'Series of Talks' 2025, dan Program Keagamaan Senegara (PKS) sempena WCD 2025.

"Alhamdulillah, kanak-kanak di NBD hidup dengan aman dan makmur. Sempena WCD tahun ini, saya juga ingin menyeru seluruh masyarakat untuk mengambil berat terhadap penderitaan kanak-kanak di Palestin, yang terus terjejas akibat konflik yang berlarutan.

"Marilah kita bersama-sama menyalurkan sumbangan kepada Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, yang tempoh kutipannya telah dilanjutkan sehingga 18 April 2026 sebagai usaha melindungi hak, kesejahteraan dan masa depan mereka.

"Dengan penuh harapan dan seruan agar seluruh masyarakat terus mengambil berat serta menyayangi kanak-kanak, saya dengan sukacitanya mengucapkan 'Selamat WCD' kepada semua kanak-kanak dan orang muda di NBD," ujar Yang Berhormat mengakhiri perutusannya.

KOMITMEN BERSAMA KE ARAH PERDAGANGAN MAMPAN, BERDAYA TAHAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menghadiri Mesyuarat Suruhanjaya Ke-9 Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (Mesyuarat Suruhanjaya CPTPP Ke-9).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

MELBOURNE, AUSTRALIA, Jumaat, 21 November. - Mesyuarat Suruhanjaya Ke-9 Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (Mesyuarat Suruhanjaya CPTPP Ke-9) telah diadakan di Melbourne, Australia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, telah menghadiri mesyuarat tersebut yang dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan dan Pelancongan,

Menteri Khas Negara, Senator Yang Berhormat Don Farrell.

Turut hadir, para Menteri CPTPP, ketua-ketua delegasi dan wakil-wakil dari Australia, Negara Brunei Darussalam (NBD), Kanada, Republik Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Republik Peru, Republik Singapura, United Kingdom dan Republik Sosialis

Viet Nam.

Semasa mesyuarat tersebut, NBD bersama rakan-rakan Parti CPTPP dengan penuh mesra mengalu-alukan Dialog Perdagangan dan Pelaburan julung kali antara CPTPP dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) serta antara Parti-parti CPTPP dan Kesatuan Eropah (EU).

Dialog tersebut diadakan semasa berlangsungnya Mesyuarat Suruhanjaya CPTPP, yang menekankan komitmen bersama untuk mempromosikan perdagangan yang adil dan terbuka, menyokong pertumbuhan mampan serta memupuk persekitaran perdagangan yang stabil dan boleh dijangka.

Suruhanjaya CPTPP turut mengalu-alukan kemajuan baik dalam perbincangan mengenai proses penyertaan Republik Costa Rica ke dalam perjanjian tersebut.

Selain itu, empat negara aspirasi telah dikenal pasti selaras dengan Prinsip Auckland, iaitu Republik Indonesia, Republik Filipina, Emiriah Arab Bersatu dan Uruguay.

CPTPP telah memutuskan untuk memulakan proses penyertaan dengan Uruguay, dan akan memulakan dengan negara-negara lain pada tahun 2026, jika sesuai.

Suruhanjaya CPTPP menegaskan komitmennya untuk

memastikan bahawa perjanjian tersebut terus kekal pada piawaian tinggi dan relevan dengan keperluan semasa.

Sehubungan itu, suruhanjaya telah mengesahkan hasil kajian umum termasuk kemas kini terhadap beberapa bab melalui rundingan bermula awal tahun 2026, meliputi bidang Perdagangan Elektronik, Perdagangan dalam Perkhidmatan, Kastam dan Pemudahan Perdagangan, Daya Saing dan Pemudahan Perniagaan serta Perdagangan dan Pemerkasaan Ekonomi Wanita.

Di samping itu, inisiatif akan dibangunkan untuk terus mengukuhkan perjanjian, antaranya dalam bidang Pelaburan, Paksaan Ekonomi dan Amalan yang Mengganggu Pasaran.

Hadir bersama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II ialah Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin serta pegawai-pegawai dari Bahagian Perdagangan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Suruhanjaya CPTPP turut mengesahkan Kenyataan Bersama Menteri sempena Mesyuarat Suruhanjaya Ke-9 CPTPP yang boleh diakses melalui Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Australia.

Mangsa rumah roboh, kebakaran terima sumbangan



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama semasa menyerahkan sumbangan tersebut kepada para penerima (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 21 November. - Dalam usaha membantu meringankan beban mangsa-mangsa kebakaran rumah dan rumah

roboh yang berlaku baru-baru ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



Hassanal Bolkiah (YSHHB) petang tadi telah menyerahkan wang agihan zakat bertempat di Kompleks YSHHB di ibu negara.

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, KHEU

menyerahkan wang agihan zakat sejumlah BND27,800 kepada mangsa rumah roboh di Kampung Sungai Matan serta mangsa kebakaran rumah di Kampung Pandai Besi 'A' dan Kampung Sungai Panga, Daerah Brunei

dan Muara. Agihan zakat dalam bentuk kewangan berjumlah BND27,800 diserahkan kepada 34 ketua keluarga mangsa musibah rumah roboh dan kebakaran rumah yang beragama Islam.

Musibah rumah roboh di Kampung Sungai Matan berlaku pada 12 Oktober 2025. Sementara kebakaran rumah di Kampung Pandai Besi 'A' berlaku pada 28 Oktober 2025, dan di Kampung Sungai Panga, Daerah Brunei dan Muara pada 3 November 2025. Jumlah wang tunai tersebut adalah daripada peruntukan Kumpulan Wang Zakat Asnaf Fakir Miskin. Sementara itu, YSHHB menyampaikan sumbangan keseluruhannya berjumlah BND121,700 kepada seramai 38 buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Kampung Pandai Besi dan Kampung Sungai Panga. Majlis penyampaian wang agihan zakat dari KHEU disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Naib Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei.

Manakala sumbangan dari YSHHB disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB. Dengan adanya bantuan ini diharap sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa dalam meneruskan kehidupan seharian. Ia juga mencerminkan keprihatinan dan komitmen kerajaan serta institusi-institusi yang berkaitan dalam membantu golongan yang ditimpa kesusahan kerana musibah.

سور و هنجاي قرحدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Semak Kedudukan Permohonan awda bagi mengetahui status jawatan kosong yang telah dipohon

1

iklan jawatan kosong

Kalendar saya

kedudukan permohonan

aduan saya

2

Status Permohonan Kerja

Status

DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN

PROSES PERAKUAN

DIAJADUALKAN UNTUK UJIAN

TIDAK HADIR

DITOLAK SELPAS TEMU DUGA

PERMOHON DITERIMA

3

Ujian

Temu Duga

WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

WAAW : MENINGKATKAN KESEDARAN SEJAGAT ANCAMAN KESIHATAN GLOBAL

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Kementerian Pembangunan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Setiap 18 hingga 24 November menandakan kempen kesedaran tahunan yang dikenali sebagai Minggu Kesedaran AMR Sedunia (WAAW) yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran sejagat mengenai ancaman kesihatan global yang mendesak namun dipandang remeh, iaitu Rintangan Antimikrob (AMR).

Tema WAAW 2025 tahun ini, 'Bertindak Sekarang : Lindungi Masa Kini Kita, Selamatkan Masa Depan Kita' (Act Now : Protect Our Present, Secure Our Future) menekankan kepentingan tindakan tegas dan nyata terhadap AMR sekarang, untuk menangani peningkatan AMR, yang telah pun memudaratkan kesihatan, sistem makanan, alam sekitar dan ekonomi.

Trend peningkatan AMR yang semakin meningkat berbanding dengan jurang global dalam tahap kesedaran, pelaburan serta tindakan mengenainya, menegaskan kepentingan kempen kesedaran AMR berkenaan.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dan Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dalam perutusan sempena Sambutan WAAW 2025 pada 18 hingga 24 November 2025.

Jelas para menteri, AMR ialah situasi kesihatan awam yang kritikal di mana jangkitan-jangkitan tidak lagi memberi tindak balas kepada rawatan antimikrob. Penyebab utamanya adalah penyalahgunaan dan penggunaan antimikrob secara berlebihan. Fenomena yang membimbangkan berkenaan dilihat dalam jangkitan daripada semua jenis mikroorganisma - termasuk bakteria, virus, parasit, *mycobacteria* dan kulat; menjangkau keseluruhan ekosistem hidup (*living ecosystem*) menjejaskan manusia, haiwan, tumbuhan dan persekitaran masing-masing.

Tambah para menteri lagi, rintangan antimikrob AMR sudah pun wujud, dan merupakan ancaman yang semakin meningkat kepada kesihatan dan keselamatan makanan global dengan beban kesihatan dan ekonomi global yang dahsyat.

"Impak negatif AMR terhadap sektor kesihatan manusia; kesihatan haiwan, keselamatan dan sekuriti makanan; dan *the triple planetary crisis*, iaitu perubahan iklim, kehilangan biodiversiti serta pencemaran dan pembaziran, adalah lebih jelas apabila dirangka.

"Dalam sektor kesihatan manusia, kos negatif AMR

terhadap nyawa dan mata pencarian manusia adalah sangat membimbangkan. Analisis komprehensif terkini tentang trend AMR bakteria dari semasa ke semasa yang diterbitkan pada 2024 meramalkan peningkatan sebanyak 67.5 peratus dalam kematian tahunan yang secara langsung disebabkan oleh AMR bakteria (*bacterial AMR*), iaitu meningkat daripada 1.14 juta pada 2021 kepada anggaran 1.91 juta pada 2050.

"Kajian ini juga menganggarkan kematian yang berkaitan dengan AMR (*AMR associated deaths*) juga dijangka meningkat sebanyak 74.5 peratus daripada 4.71 juta pada 2021, kepada 8.22 juta kematian pada 2050. Tanpa langkah respons yang lebih kukuh, anggaran purata kehilangan jangka hayat (*estimated average loss of life expectancy*) di seluruh dunia akan mencapai 1.8 tahun menjelang 2035," kata para menteri.

Para menteri juga menyatakan AMR juga akan mengakibatkan tambahan sebanyak USD1 trilion kepada kos penjagaan kesihatan setahun di seluruh dunia menjelang 2050 dan kerugian Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak USD1 trilion hingga 3.4 trilion setahun menjelang 2030; dan merawat jangkitan AMR bakteria (*drug-resistant bacterial infections*) sendiri sahaja boleh menelan belanja sehingga USD412 bilion setiap tahun, ditambah pula dengan kehilangan penyertaan tenaga kerja dan produktiviti sebanyak USD443 bilion.

Kesan yang sama, jelas para menteri, juga akan dapat dilihat terhadap kesihatan haiwan dan pengeluaran makanan global, jika AMR dibiarkan tanpa kawalan. Penyebaran *strain* bakteria AMR dalam kedua-dua haiwan *terrestrial* dan akuatik yang menghasilkan makanan bukan sahaja akan memberi kesan negatif kepada kesihatan dan kebajikan haiwan ia akan menyebabkan peningkatan kematian haiwan dan memberi kesan signifikan terhadap pengeluaran ternakan dan rantai makanan global, sekali gus menjejaskan keselamatan makanan.

AMR, tambah para menteri, diramalkan akan menyebabkan penurunan 11 peratus kepada pengeluaran ternakan (*livestock production*) di negara-negara berpendapatan rendah menjelang 2050. Dengan lebih 1.3 bilion orang bergantung kepada ternakan untuk mata pencarian mereka dan lebih 20 juta orang bergantung kepada akuakultur, ini menggambarkan betapa luasnya skop dan kesan AMR sekiranya tidak ditangani dengan segera.

Seterusnya para menteri menjelaskan kaitan antara AMR dan krisis iklim telah diketengahkan dan dijelaskan dalam laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu United Nations Environment Programme (UNEP) pada 2023. Krisis iklim, yang

dipacu oleh aktiviti manusia dengan corak penggunaan dan pengeluaran tidak mampan, turut menyumbang kepada peningkatan pesat perkembangan AMR dalam alam sekitar.

"Pada peringkat global, punca utama adalah daripada bahan pencemar biologi dan kimia disebabkan oleh pengurusan sanitasi, kumbahan dan efluen yang kurang baik. Efluen dan sisa boleh berasal daripada pelbagai sumber, termasuk komuniti, kemudahan penjagaan kesihatan, dan pengeluaran ladang penternakan haiwan darat dan akuatik. Pengenalpastian prioriti bersama untuk memaklumkan tindakan kolaboratif dalam kedua-dua ruang AMR dan krisis iklim adalah amat diperlukan.

"Adalah diakui bahawa AMR adalah krisis *existential* semasa yang kian meningkat dan mengancam untuk memundurkan kemajuan manusia dan pencapaian beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals). Ia mendatangkan pelbagai cabaran apabila ditangani secara unilateral dan dalam silo.

"Oleh demikian, adalah jelas bahawa tindakan kolektif dan tegas diperlukan dengan segera. Lebih khusus lagi, pendekatan One Health pelbagai sektor yang diselaraskan adalah penting untuk memajukan usaha untuk menangani AMR dengan lebih berkesan. Sejak pertengahan 1990-an, komitmen peringkat tinggi di peringkat serantau dan global terus meningkat dan memuncak pada 2015 dengan pengeluaran Pelan Tindakan Global (Global Action Plan - GAP) yang menentang AMR dan penubuhan Tripartit, yang terdiri daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH), justeru melambangkan tahap komitmen tertinggi terhadap tindak balas global terhadap AMR," ujar para menteri.

Para menteri selanjutnya berkata pada 2022, Tripartit berkembang menjadi Quadripartit, berikutan susulan komitmen UNEP terhadap usaha AMR, terus merangsang pendekatan kolaboratif One Health dengan kekuatan organisasi masing-masing yang memanfaatkan mandat teras mereka sambil mempunyai visi dan matlamat yang dikongsi untuk bersama-sama menangani AMR.

Menyamai komitmen politik daripada Mesyuarat Peringkat Tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2024 mengenai AMR jelas para menteri lagi, pendekatan One Health kekal penting dalam meningkatkan usaha menentang AMR. Ini seiring dengan keperluan untuk menterjemahkan komitmen politik kepada tindakan yang nyata dan bertanggungjawab, selaras dengan realiti semasa dan disokong di semua peringkat bagi mencapai sasaran kritikal yang

ditetapkan dalam mesyuarat tersebut, sekali gus memacu impak yang lebih besar terhadap AMR.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam (NBD) tambah para menteri, usaha terhadap AMR setakat ini telah mencontohi strategi dan kemajuan sejagat, terutamanya dengan pembentukan Jawatankuasa Rintangan Antimikrob Brunei Darussalam pelbagai sektor (BDAMRC) pada tahun 2018, yang terdiri daripada Kementerian Kesihatan mewakili kesihatan manusia dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku wakil kesihatan haiwan dan tumbuhan.

Pada 2019, jelas para menteri lagi, BDAMRC telah meluluskan Pelan Tindakan Kebangsaan (NAP) NBD menentang AMR, selaras dengan Pelan Tindakan Global (GAP) untuk AMR. Pada 2024, penglibatan pihak berkepentingan One Health telah dilengkapkan dengan penyertaan Kementerian Pembangunan secara rasmi ke dalam BDAMRC. Usaha untuk mencapai sasaran dalam NAP NBD menentang AMR bukan tanpa cabaran, akan tetapi ia telah memberikan maklumat ataupun *insights* berharga mengenai jurang dan peluang yang relevan dalam konteks tempatan dan telah menjadi asas dalam pembentukan NAP yang seterusnya.

Seterusnya para menteri berkata WAAW ialah kempen utama BDAMRC, dengan visi bersama yang memberi inspirasi bagi kerjasama tahunan dalam meningkatkan kesedaran tentang AMR pada setiap November. Tahun ini, momentum diteruskan dengan kempen yang dipromosi di media massa termasuk media sosial, pameran, webinar pendidikan, aktiviti kesihatan dan kecergasan

serta kempen 'Go Blue' yang memberi inspirasi kepada pemakaian warna biru sebagai sokongan kepada kempen tersebut.

"Pendekatan seluruh kerajaan (Whole of Government Approach) untuk menangani AMR adalah penting untuk melindungi masa kini dan menjamin masa depan kita. Ini memerlukan advokasi di peringkat tinggi yang berterusan untuk meningkatkan kesedaran mengenai AMR dan memasukkan AMR sebagai perkara penting dalam agenda kementerian pihak berkepentingan dan agensi lain, keutamaan pelaburan jangka panjang dari segi komitmen dan peruntukan sumber serta tindakan strategik dalam sektor kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar, dengan penekanan pada kesegeraan tindakan sedemikian.

"Tiada tindakan yang terlalu kecil untuk memberi kesan, sama ada jururawat kawalan jangkitan yang mendidik kakitangan hospital baharu tentang kebersihan tangan, atau juruteknik makmal yang menjalankan pengawasan air secara berkala atau petani yang memastikan pematuhan terhadap amalan penternakan yang baik setiap tindakan dan peranan, sama ada membentuk dasar, penyampaian penjagaan, meningkatkan kesedaran, melindungi ekosistem adalah penting.

"Oleh itu, marilah kita sama-sama 'Bertindak Sekarang : Lindungi Masa Kini Kita, Selamatkan Masa Depan Kita' sebagai tanggungjawab bersama dalam memelihara keberkesanan antimikrob bagi masa depan yang lebih mampan dan sihat untuk generasi kini dan akan datang," ujar para menteri mengakhiri perutusan.



SESI MUZAKARAH KONGSI HALA TUJU FOKUS STRATEGIK KKBS



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Beberapa bidang utama iaitu belia, sukan, kebudayaan dan kemasyarakatan menjadi fokus Sesi Muzakarah



YANG Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam mengetuai rombongan Ahli-ahli MMN.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), hari ini.

Sesi Muzakarah yang berlangsung di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja tersebut, dipengerusikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad.

Manakala bagi pihak Ahli-ahli MMN diketuai oleh Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam. Sebelum Sesi Muzakarah dimulakan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan rombongan Ahli MMN menyertai sesi bergambar ramai.

Semasa mempengerusikan muzakarah berkenaan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan mengongsikan

hala tuju fokus strategik KKBS yang akan diperkukuhkan dan dipertingkatkan melalui Mengembang Maju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian.

Seterusnya, Menjana Belia Harapan yang Berwawasan sebagai Peneraju Pembangunan Negara; Memantapkan Pengukuhan Ekosistem Sukan Supaya Lebih Inklusif dan Cemerlang; Meningkatkan Pelestarian Budaya, Warisan dan Sejarah; dan Memastikan Perkembangan Sistem dan Proses Yang Efisien, Efektif serta Tepat Pada Masa.

Yang Berhormat seterusnya menyentuh mengenai Social Blueprint yang merangka hala tuju yang menyeluruh ke arah membentuk masa hadapan sosial negara yang lebih kukuh, seimbang dan inklusif, berteraskan empat aspirasi utama.

"Secara keseluruhan, keempat-empat aspirasi ini

disokong oleh 19 matlamat strategik dan 28 haluan dasar yang akan didukung dan dipantau melalui beberapa KPI Tindakan atau Action KPI.

"Pelaksanaan Social Blueprint ini bukan hanya tentang visi masa depan, tetapi juga tentang bagaimana *kitani* dapat mencapainya secara terancang, inklusif dan menyeluruh selaras dengan dasar nasional dan matlamat jangka panjang Wawasan Brunei 2035 demi kesejahteraan rakyat dan negara," Jelas Yang Berhormat.

Dalam Sesi Muzakarah tersebut, taklimat turut disampaikan oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari yang menerangkan mengenai pencapaian KKBS bagi Tahun Kewangan 2024 / 2025 serta hala tuju KKBS.

Turut hadir dalam Sesi Muzakarah ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua bahagian dan jabatan di bawah KKBS.

Sesi Muzakarah bertujuan untuk mewujudkan perbincangan dua hala yang bermanfaat dan produktif



SESI Muzakarah tersebut dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas), sementara gambar kiri dan bawah, antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang hadir.

bagi semua pihak ke arah mencapai matlamat KKBS menuju kecemerlangan, di samping berperanan sebagai wadah bagi kedua-dua pihak untuk saling bercambah fikiran serta mengeratkan silaturahmi dan kerjasama ke arah memberikan nilai tambah dan kemanfaatan bersama.



Memperkukuh kerjasama antarabangsa, perpaduan serantau badan kehakiman ASEAN



YANG Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar menghadiri Mesyuarat Ke-12 Majlis Ketua Hakim Negara ASEAN (CACJ).

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam

REPUBLIK SINGAPURA, Rabu, 19 November. - Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama delegasi hakim dan pegawai kehakiman dari Badan Kehakiman Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Ke-12 Majlis Ketua Hakim Negara ASEAN (CACJ) bermula 13 hingga 15 November 2025 atas jemputan Ketua Hakim Negara Singapura, Sundaresh Menon.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Ketua Hakim Negara dan Ketua Delegasi dari Negara Anggota ASEAN.

Ketua Hakim Mahkamah Besar telah menghadiri beberapa siri mesyuarat dan seminar sampingan bersama-sama Mesyuarat CACJ Ke-12.

Pada 14 November, delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Hakim Insolvensi ASEAN, Seminar Amalan Undang-undang Transnasional di ASEAN, Mesyuarat Hakim dan Pengamal Insolvensi ASEAN dan Mesyuarat Hakim dan Pengamal Harta Intelek (IP) ASEAN.

Pada sesi pembukaan Mesyuarat CACJ Ke-12 pada 15 November, Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah

Besar menyampaikan ucapan perasmianya bersama-sama Ketua Hakim Negara ASEAN, Ketua Delegasi dan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN.

Dalam ucapan perasmianya Yang Amat Arif menegaskan komitmen bersama Negara Brunei Darussalam untuk menyokong kerja CACJ untuk mengekalkan dan mengukuhkan perkongsian antarabangsa dan perpaduan serantau di kalangan badan kehakiman ASEAN.

Yang Amat Arif menekankan bahawa ASEAN yang selamat, stabil dan makmur bergantung kepada keupayaan kita untuk menyesuaikan sistem keadilan kita kepada cabaran baharu dan berkembang.

Seterusnya Yang Amat Arif menambah bahawa kesejahteraan komuniti yang kami berkhidmat, bukan sahaja beralih kepada tanggapan tradisional tentang keadilan tetapi juga tentang keberkesanan dalam menangani ancaman yang muncul seperti jenayah siber, penipuan dalam talian, perdagangan manusia, di samping melindungi rantau kami daripada kesan perubahan iklim yang meluas.

Yang Amat Arif turut menekankan bahawa dalam menghadapi cabaran baharu dan

kompleks ini bersama-sama, kita mesti kekal berpijak pada kedaulatan undang-undang, asas yang penting untuk kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial kita.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Amat Arif dan Ketua Delegasi ASEAN telah dibentangkan dengan laporan mengenai aktiviti yang dijalankan, pencapaian yang dibuat dan rancangan kerja yang dikemukakan oleh sembilan kumpulan kerja dan belajar CACJ dan dua mesyuarat tetap hakim insolvensi dan harta intelek.

Kumpulan kerja dan kajian sekarang ialah Kumpulan Kerja di Portal Kehakiman ASEAN; Kumpulan Kerja Prosiding Sivil; Kumpulan Kerja Pengurusan Kes dan Teknologi Mahkamah; Kumpulan Kerja Pendidikan dan Latihan Kehakiman; Kumpulan Kerja Pertikaian Merentas Sempadan Melibatkan Kanak-kanak; Kumpulan Kajian tentang Kerja Masa Depan CACJ; Kumpulan Kerja Mesyuarat ASEAN+; Kumpulan Kerja Pengendalian Perbicaraan Sidang Video dan Kumpulan Kerja Keadilan Iklim.

Pada akhir mesyuarat tersebut, Ketua Hakim Mahkamah Besar dan Ketua Perwakilan menandatangani Deklarasi Singapura, hasil daripada Mesyuarat CACJ Ke-12.

HALUAN

>> Muka 2

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Kerja Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia di atas kejayaan dalam menyelaras aktiviti-aktiviti sempena sambutan pada tahun ini.

Dengan kalimah *Bismillahir Rahmanir Rahim* serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta selawat dan salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini melancarkan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia Bagi Tahun 2025, yang juga turut diselajurkan dengan pelancaran lapan buah Garis Panduan dan Piawaian Perancangan serta Sistem Aduan Perancangan Orang Ramai.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

SIMPOSIUM KESUSASTERAAN KEBANGSAAN KE-2 KINI TUTUP TIRAI



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir pada Malam Mutiara Shukri Zain bertempat di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Rabu, 19 November. - Bagi meraikan pembentangan-pembentangan kertas kerja dan petugas yang menyelenggarakan simposium anjuran Angkatan Sasterawan dan Sasterawani (ASTERAWANI) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kumpulan Putra Seni, malam tadi diadakan Malam Mutiara Shukri Zain

bertempat di Balai Sarmayuda DBP, di sini.

Hadir menyempurnakan majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Antara pengisian atur cara ialah pendeklamasian puisi nukilan Shukri Zain dan juga yang dihasilkan oleh penggiat-penggiat sastera tempatan, selain Kumpulan PUTRA Seni turut menyumbangkan pementasan bagi sama-sama memeriahkan lagi acara.

Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Ke-2 kini menutup tirainya setelah berlangsung selama dua hari bermula 18 November, di mana Pembentangan Resolusi dan Majlis Rasmi Penutupannya diadakan pagi tadi.

Sebanyak 14 buah kertas kerja telah disampaikan termasuk dua ucapan utama yang memfokuskan kegiatan sastera Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin atau dalam dunia penulisan dikenali sebagai Shukri Zain.

58 pelajar cemerlang ITQSHHB diraikan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada pelajar.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Seramai 58 pelajar peringkat menengah serta siswa-siswi peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat Sesi Pengajian 2023/2024 Masihi menerima hadiah masing-masing pada Majlis

Penyampaian Hadiah Cemerlang Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah (ITQSHHB) yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, petang tadi.

Daripada jumlah tersebut, 20 pelajar menerima Anugerah Peperiksaan kendalian ITQSHHB; tiga pelajar menerima Anugerah Peperiksaan 'O' Level; tiga pelajar menerima Anugerah Peperiksaan Sijil Pelajaran Ugama Brunei (SPUB); 20 pelajar menerima Anugerah Cemerlang Hafaz Al-Quran As-Syathi; manakala 11 siswa-siswi menerima Anugerah Muta'awwif (Cemerlang Al-Quran, Qiraat dan Purata Nilai Gred Kumulatif).

Selain itu, 11 pelajar peringkat menengah dan siswa-siswi peringkat Diploma 'Aliyah Qiraat turut menerima hadiah masing-masing bagi penyampaian Anugerah Khas, iaitu seorang pelajar menerima Anugerah Pelajar Mithali (Contoh); dua orang siswa-siswi menerima Ja'izah Khassah Littholib Al-Mithali; serta lapan siswa menerima Anugerah Khas Cemerlang Al-Quran 30 Juz.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh tenaga pengajar ITQSHHB, Awang Haji Abdul Rashid bin Haji Mohamad Saad, diikuti dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ali 'Imran ayat 100 hingga 105, oleh siswa Tahun 1 Diploma 'Aliyah Qiraat, Awang Muhammad Yusuf Haikal bin

Mohamad Hashim.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan Pengetua ITQSHHB, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, antara lain menyatakan komitmen ITQSHHB untuk memperkukuh sistem pendidikan berteraskan Al-Quran dan Sunnah, di samping memperkasa penguasaan ilmu akademik serta kemahiran teknologi maklumat (ICT).

"Usaha ini adalah bagi memastikan para pelajar bukan sahaja cemerlang dalam hafazan dan penghayatan Al-Quran tetapi juga memiliki daya fikir yang kritikal, inovatif dan mampu bersaing dalam dunia moden yang berteraskan teknologi," ujarnya.

Beliau turut menambah bahawa kejayaan para pelajar hari ini tidak akan tercapai tanpa sokongan tenaga pengajar yang berdedikasi serta ibu bapa yang sentiasa memberikan dorongan dan motivasi.

Pengiran Dr. Haji Amiruddin turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbangkan tenaga, masa dan usaha dalam memastikan kejayaan pelajar serta kecemerlangan institut.

Majlis kemudian disusuli dengan

penyampaian hadiah kepada pelajar peringkat menengah dan siswa-siswi Diploma 'Aliyah Qiraat, yang disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, selaku tetamu kehormat.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Penolong Pensyarah ITQSHHB, Awang Mohd. Azim bin Awang Haji Ali.

Penganjuran majlis ini bertujuan sebagai penghargaan kepada para pelajar yang berjaya memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Al-Quran dan akademik serta peperiksaan awam. Ia juga menjadi motivasi dan pencetus semangat kepada pelajar lain untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Semoga kejayaan yang diraikan ini menjadi inspirasi berterusan dalam melahirkan generasi Al-Quran yang berilmu, berakhlak mulia dan mampu memberi sumbangan bermakna kepada agama, bangsa dan negara.

Hadir sama, timbalan-timbalan pengetua, pegawai-pegawai, kakitangan, pelajar-pelajar dan siswa-siswi ITQSHHB serta ibu bapa dan penjaga para penerima anugerah.

Resolusi Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Ke-2 dibentangkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Ke-2 2025 menutup tirainya pagi tadi pada Majlis Penutup yang diadakan di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Simposium yang bertemakan 'Menelusuri Warisan Sastera Shukri Zain : Inspirasi untuk Nasionalisme dan Nilai-nilai Kebruneian', telah membentangkan sebanyak dua kertas ucapan dan 14 buah kertas kerja.

Kesemuanya berfokus pada kegiatan sastera Allahyarham Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama (Dr.) Ustaz Haji

Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, yang juga dikenali dengan nama pena Shukri Zain.

Pada majlis berkenaan turut diselajurkan dengan pembentangan resolusi, iaitu hasil daripada hasrat, cadangan dan pandangan dalam teks ucapatama I, Pengetua Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong; dan ucapatama II, Datuk Jasni Matlani; serta para pembentangan kertas-kertas kerja simposium daripada 12 orang yang telah menyimpulkan resolusi-resolusi untuk pihak-pihak berkepentingan.

Antaranya, inisiatif untuk membangunkan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah pusat pembangunan kesusasteraan Islam; ASTERAWANI hendaklah berusaha mendigitalisasikan karya-karya penulis NBD, dengan kerjasama institusi-institusi

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Simposium Kesusasteraan Kebangsaan Ke-2 2025.

berkenaan; dan ASTERAWANI hendaklah meningkatkan kegiatan kesusasteraan seperti sesi Wacana Buku untuk orang ramai sepanjang tahun dan acara kesusasteraan yang lain, dengan kerjasama pihak berkepentingan seperti penjual buku, kelab membaca dan para pendidik.

Selain itu, ASTERAWANI berperanan menjadi pusat untuk mengangkat penulis tanah air menjadi penulis yang berfikir ke tahap peringkat antarabangsa dan ASTERAWANI boleh meneliti penubuhan sebuah hadiah sastera tahunan.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafillah Pg. Osman

Di samping itu, Kumpulan Sajak Damai Dalam Sentuhan dan buku-buku lain karya Shukri Zain boleh dinilai dari segi kesesuaiannya untuk digunakan dalam kurikulum ataupun diangkat

sebagai buku teks di peringkat 'O' level; dan sastera wajar dikomersialkan bagi menarik minat generasi muda kerana ia merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat.

USAHA BERTERUSAN MEMPERKEMBANG SYARIKAT TEMPATAN KE TAHAP LEBIH TINGGI



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) ketika berucap.

JERUDONG, Khamis, 20 November. - Enterprise Growth Connect (EGC), inisiatif tahunan anjuran Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), merupakan platform penting yang menghimpunkan perusahaan tempatan, agensi kerajaan dan rakan sektor swasta dalam usaha bersepadu bagi mengukuhkan keupayaan serta membuka peluang pertumbuhan baharu.

Ini adalah di teras Blueprint Ekonomi, yang menekankan inovasi, pembangunan perusahaan dan integrasi yang lebih kukuh antara sektor awam dan swasta.

Perkara tersebut dijelaskan oleh

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid semasa menyampaikan ucapama pada EGC 2025 di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, hari ini.

Yang Mulia melahirkan harapan agar inisiatif tersebut akan terus membawa kita lebih dekat kepada sebuah ekonomi yang dinamik dan mampan. Tema tahun ini iaitu 'Memperkasakan Penyertaan Tempatan', jelasnya, amat relevan pada masa ini.

"Ia secara langsung mencerminkan usaha berterusan kita untuk memastikan perniagaan Brunei, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), terus diperkasa serta memainkan peranan yang aktif dan mampan dalam rantai nilai negara.

"Kita mahu melihat lebih banyak syarikat tempatan berkembang ke tahap lebih tinggi dalam rangkaian nilai dengan membekal, menginovasi dan bekerjasama dengan para penggiat industri yang lebih besar, yang bukan sahaja bagi memenuhi permintaan domestik, tetapi juga untuk bersaing di peringkat serantau.

"Apabila perniagaan tempatan berkembang, kapasiti negara turut meningkat, begitu juga peluang pekerjaan dan ketahanan

ekonominya," katanya.

Pada masa yang sama, terang Yang Mulia, kita juga mengiktiraf peranan penting Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam membentuk landskap ekonomi negara.

Jelasnya, para pelabur bukan sahaja membawa modal dan kepakaran tetapi juga berperanan sebagai rakan strategik dalam membangunkan pembekal tempatan, bakat dan kapasiti inovasi.

"Hubungan yang lebih kukuh antara FDI, GLC dan perusahaan tempatan memastikan bahawa pelaburan menyumbang kepada penyertaan tempatan yang lebih mendalam serta penciptaan nilai jangka panjang.

"Dalam hal ini, BEDB telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam memajukan Nilai Dalam Negara (ICV) serta memperkukuhkan PMKS kita. Melalui platform DARE LINKS, kami secara aktif menyokong pertumbuhan perusahaan tempatan dengan sentiasa maklumkan peluang-peluang akan datang, mengadakan taklimat vendor dan meningkatkan kesedaran industri mengenai permintaan semasa dan masa hadapan," katanya.

"Usaha-usaha tersebut, beliau menambah, membantu

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

memastikan bahawa perniagaan tempatan mendapat maklumat yang tepat, lebih bersedia dan diberi keupayaan untuk mengambil bahagian secara bermakna dalam segmen bernilai tinggi dalam rantaian bekalan negara," ujarnya lagi.

Selain itu, BEDB juga berada pada peringkat awal pelaksanaan pemetaan keupayaan bersama rakan industri utama untuk memahami kecekapan sedia ada, mengenal pasti jurang, serta merangka hala tuju bagi meningkatkan penyertaan tempatan dalam projek-projek yang biasanya dilantik pihak luar atau memerlukan kepakaran khusus.

Sebagai contoh, melalui libat urus dengan agensi seperti Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD) serta pelabur utama seperti Hengyi Industries Sdn. Bhd., pemetaan keupayaan ini bertujuan untuk mengenal pasti di mana perusahaan tempatan boleh memainkan peranan yang lebih strategik dan aktif dalam menyediakan penyelesaian, perkhidmatan dan inovasi.

Akhirnya, usaha-usaha ini akan memandu inisiatif pembinaan kapasiti yang lebih tersasar, mengukuhkan penyelarasan

industri, serta membuka lebih banyak peluang bagi PMKS untuk menyumbang secara lebih signifikan kepada projek nasional dan pembangunan sektor.

EGC ini juga, tambahnya, bertujuan untuk mengukuhkan usaha-usaha tersebut dengan menghubungkan pembeli, pembekal dan penyedia penyelesaian. Platform ini membolehkan terjalannya bentuk kerjasama yang mampu mengubah potensi menjadi prestasi.

Melalui pelbagai segmen dalam program ini, Yang Mulia percaya bahawa para peserta bukan sahaja akan memperoleh pendedahan, tetapi juga akses kepada peluang yang nyata serta pandangan yang boleh terus dilaksanakan.

"Kepada rakan-rakan industri, penyertaan awda adalah penting dalam membimbing perusahaan tempatan ke arah pawiawan yang lebih tinggi, rangkaian yang lebih luas dan integrasi yang lebih mendalam dalam rantai nilai.

"Kepada PMKS serta usahawan yang bercita-cita tinggi, saya berharap platform ini akan memberikan awda perspektif baharu, hubungan yang bermanfaat dan keyakinan untuk terus membangunkan keupayaan awda," tambahnya lagi.

Platform tingkatan nilai, pertumbuhan sektor swasta, kepelbagaian ekonomi



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada acara berkenaan (atas), manakala gambar bawah, sekitar acara tersebut.

JERUDONG, Khamis, 20 November. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) hari ini

menganjurkan Enterprise Growth Connect (EGC) 2025 di Indera Samudra Grand Hall, The Empire

Brunei. Bertemakan 'Memperkasakan Penyertaan Tempatan', EGC adalah sebuah acara utama yang diterajui oleh DARE LINKS dan di inisiatifkan oleh BEDB.

Ia berperanan sebagai platform unggul untuk memudahkan sesi libat urus pelanggan-vendor (B2B) yang bertujuan untuk meningkatkan nilai dalam negara, pertumbuhan sektor swasta dan kepelbagaian ekonomi.

Program tersebut dihadiri lebih 500 peserta termasuk daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan serta 28 rakan kerjasama daripada pelbagai agensi dan industri.

Ia mengetengahkan lebih 140 peluang perniagaan yang bertujuan untuk mengukuhkan rantaian bekalan dan ekosistem perusahaan tempatan di negara ini. Acara yang dibukakan kepada semua perniagaan berdaftar tempatan ini menyediakan akses terus kepada peluang rangkaian dan kerjasama.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Terdahulu, Pengarah Pembangunan Perusahaan (DARE), Dayang Norlela Suhailee dalam ucapan alu-aluannya, menekankan komitmen berterusan BEDB dalam memupuk kerjasama dan memperkasa perniagaan di negara ini untuk mengambil bahagian serta memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan ekonomi negara.

"EGC menyediakan platform untuk PMKS berhubung secara langsung dengan pelanggan, membina kesiapsiagaan dan merebut peluang sebenar. Tema tahun ini, 'Memperkasakan Penyertaan Tempatan',



SEBAHAGIAN daripada yang hadir, yang terdiri daripada Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana tempatan serta 28 rakan kerjasama daripada pelbagai agensi dan industri.

mencerminkan visi bersama kita untuk memastikan bahawa PMKS bukan sahaja disertakan, tetapi juga diposisikan secara aktif untuk menyumbang, menyampaikan dan menerajui dengan kemampuan dan keyakinan dalam membina rangkaian bekalan domestik yang lebih kukuh," katanya.

Acara tahun ini turut menampilkan rangkaian sesi interaktif dan berteraskan pengetahuan yang komprehensif, direka untuk membantu perniagaan mengenal pasti peluang baharu, meluaskan rangkaian serta mengenal pasti keperluan keupayaan demi meningkatkan daya saing.

Program ini merangkumi Sesi Tinjauan Peluang bagi menyediakan pandangan mengenai projek-projek akan datang dan perkembangan industri, Sesi Kesiediaan Vendor

untuk memberi gambaran mengenai keperluan projek, serta Perbincangan Kumpulan Fokus bagi berkongsi pandangan dan cabaran.

BEDB terus menyokong perusahaan di Negara Brunei Darussalam melalui inisiatif berterusan bagi memastikan bahawa kerjasama dan pandangan yang terjalin semasa EGC 2025 membawa kepada pertumbuhan perusahaan yang berkesan dan berkekalan.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif pembangunan perusahaan dan program akan datang di bawah BEDB, layari laman sesawang www.bedb.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti akaun media sosial Instagram [@bedbbrunei](https://www.instagram.com/bedbbrunei) bagi sorotan acara, kisah kejayaan dan perkembangan terkini.



MEMPERKUKUH MOBILITI AKADEMIK, MENYEDIAKAN PELUANG KESINAMBUNGAN PENGAJIAN

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Satu Memorandum Persefahaman (MoU) antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Micronet International College (MIC) dan Universiti Teknologi Brunei (UTB) telah ditandatangani hari ini mewujudkan satu laluan akademik kolaboratif baharu antara ketiga-tiga institusi pembelajaran berkenaan.

Inisiatif tersebut menandakan langkah penting dalam memperkukuh mobiliti akademik serta menyediakan peluang kesinambungan pengajian yang lebih progresif bagi para graduan Sijil Tertinggi Kebangsaan Pendidikan Teknikal (HNTec) IBTE.

MoU berkenaan ditandatangani secara rasmi dalam majlis yang berlangsung di Bilik Latihan, Kompleks Perpustakaan UTB dan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Seramai 45 tetamu jemputan menghadiri majlis berkenaan, terdiri daripada wakil IBTE, UTB, MIC serta beberapa rakan kerjasama korporat.

IBTE diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli, manakala MIC diwakili oleh Pengarah Urusannya, Sylvester Yong. Pemeterian MoU berkenaan turut disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Dr. Haji Mohd. Zamri dalam

ucapannya menyatakan bahawa majlis berkenaan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk membina generasi yang berkemahiran, bersedia menghadapi masa depan dan berdaya saing di peringkat global.

Pemeterian MoU berkenaan jelasnya, menandakan laluan transformasi akademik yang menghubungkan aspirasi kepada peluang serta potensi kepada prospek sebenar.

"Buat pertama kalinya, graduan HNTec IBTE dapat menamatkan Tahun 1 Program Ijazah UTB-MIC di MIC dan seterusnya melanjutkan pengajian ke Tahun 2 di UTB untuk memperoleh ijazah UTB yang diiktiraf dalam bidang teknologi maklumat atau perniagaan. Laluan ini bukan sekadar kesinambungan akademik tetapi menjadi wadah yang mengangkat graduan IBTE daripada pengamal kompeten kepada pakar yang bersedia untuk industri."

"Kerjasama berkenaan menggabungkan misi IBTE untuk menghasilkan graduan berkemahiran, komitmen MIC dalam memperluas akses pendidikan tinggi serta dedikasi UTB dalam memajukan keupayaan negara dalam teknologi dan inovasi," katanya.

Dr. Haji Mohd. Zamri seterusnya menjelaskan secara bersama, ketiga-tiga institusi berkenaan membentuk ekosistem pembelajaran yang kukuh, mengiktiraf kemahiran,

menghargai pengalaman dan mengukuhkan rangkaian bakat kebangsaan.

Kerjasama berkenaan ujanjarnya, secara langsung menyokong Wawasan Brunei 2035 dengan meningkatkan mobiliti akademik, merapatkan jurang antara pendidikan teknikal dan universiti, serta menyediakan generasi yang mampu memacu transformasi digital dan ekonomi negara.

Tambahnya lagi, ia juga menjadi pelan asas bagi kerjasama masa depan antara institusi teknikal, swasta dan awam, sekali gus membina penyelarasan yang lebih kukuh, laluan akademik yang lebih pelbagai dan sistem pembangunan bakat yang lebih bersatu.

"Tatkala NBD bergerak menuju masa depan yang lebih berdaya tahan dan berdaya saing, kerjasama ini menjadi bukti tentang apa yang boleh dicapai melalui visi bersama dan komitmen kolektif."

"Paling utama, para pelajarlah yang akan menikmati manfaatnya, anak-anak muda yang mempunyai impian, bakat dan masa depan mereka ingin kita kukuhkan melalui inisiatif ini," ujanjarnya lagi.

Menerusi kerjasama berkenaan, graduan yang layak dapat mendaftar ke Tahun 1 Program Ijazah UTB-MIC di MIC dan setelah berjaya menamatkannya, mereka akan menyambung pengajian ke UTB untuk mengikuti Tahun 2 dan tahun akhir dalam program ijazah pilihan mereka.

Program ijazah kolaboratif yang ditawarkan dalam bidang teknologi



MOU berkenaan ditandatangani secara rasmi dalam majlis yang berlangsung di Bilik Latihan, Kompleks Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB) dan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UTB.

maklumat dan perniagaan berkenaan direka bentuk selaras dengan rangka kelayakan kebangsaan dan standard akademik yang dipersetujui bersama, memastikan peralihan yang lancar daripada pengajian teknikal ke peringkat universiti.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen bersama IBTE dan MIC dalam memperluaskan peluang

pendidikan tinggi kepada para pelajar NBD serta menyokong keperluan negara terhadap tenaga mahir yang bersedia untuk masa depan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan sesi jaringan informal antara para hadirin, menandakan permulaan bab yang menjanjikan dalam pembangunan pendidikan tinggi secara kolaboratif di NBD.

Sekolah Al-Falaah rai murid cemerlang

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ihtifaal Penutup Penggal Akhir Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi dan Penyampaian Sijil bagi murid-murid Tadika 3 sesi pagi Sekolah Al-Falaah, Cawangan Sungai Akar dan Ban 5.

pendidik, setiap pihak memikul tanggungjawab besar untuk memastikan anak-anak bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi turut kukuh dalam iman dan akhlak.

Menurutnya, anak-anak masa kini berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti perkembangan teknologi yang pesat, norma masyarakat yang berubah serta pengaruh budaya luar yang semakin meresap.

Justeru katanya lagi, ibu bapa Muslim diseru agar memberikan asas pendidikan yang kukuh kepada anak-anak, menjadi pelindung, pembimbing dan contoh teladan terbaik.

Dayang Hajah Sharifah Mastura As-Saggaf turut menyampaikan pesan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas apa yang dipimpinya". (Riwayat Bukhari dan Muslim).

"Tanggungjawab ini memerlukan kita sentiasa membimbing mereka agar dapat berdiri teguh di atas jalan yang benar, memiliki akhlak mulia serta menjadi individu yang berguna kepada agama, keluarga dan masyarakat, insyaaAllah,"

ujanjarnya lagi.

Beberapa persembahan turut menyerikan acara, antaranya 'Bicara Berirama' bahasa Inggeris, 'Mari Bercerita' dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, nyanyian dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu, serta persembahan nasyid oleh murid-murid yang terlibat.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian Sijil Graduan Tadika 3 sesi pagi dengan jumlah keseluruhan seramai 137 murid, iaitu 107 murid dari Cawangan Sungai Akar, manakala 30 murid dari Cawangan Ban 5.

Turut diraikan ialah penyampaian hadiah Pelajar Terbaik Tadika 3 hingga Tahun 5 (sesi pagi) bagi kedua-dua cawangan, melibatkan 63 murid dari Cawangan Sungai Akar, manakala 21 murid dari Cawangan Ban 5, menjadikan keseluruhan seramai 84 murid.

Majlis juga mengiktiraf pencapaian murid-murid dalam beberapa pertandingan kokurikulum peringkat nasional, termasuk Pertandingan Bicara Berirama sempena Sambutan Bahasa Arab Sedunia 2025, Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan 2025, Pertandingan Hafazan Surah-surah Pilihan Juzuk 30 Sekolah-sekolah Rendah Senegara 2025, Pertandingan Qiraat Zikir dan Selawat Sekolah-sekolah Rendah Senegara 2025 serta Students in STEAM Competition : Eco-Friendly Lifestyle (Poster and Infographic Challenge) Tahun 2025. Seramai 26 pelajar menerima pengiktirafan atas kejayaan berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Penutup oleh murid-murid graduan Tadika 3.

Tingkatkan pengetahuan, kemahiran, kecekapan melaksanakan tanggungjawab siasatan



MAJLIS Penyampaian Sijil bagi Kursus Pengendalian Kertas Siasatan dan Proses Pendakwaan disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Bagi memberi pendedahan menyeluruh tentang prosedur penyediaan kertas siasatan serta memantapkan kemahiran penyediaan dokumen siasatan yang lengkap, teratur dan betul serta meningkatkan lagi kefahaman mengenai peranan dan fungsi pihak pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Kursus Pengendalian Kertas Siasatan dan Proses Pendakwaan selama dua hari.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil bagi Kursus Pengendalian Kertas Siasatan dan Proses Pendakwaan diadakan petang tadi bertempat di Bangunan Lifelong Learning Centre, Kementerian Pendidikan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada 76 peserta yang terdiri daripada para Pegawai Penguatkuasa Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan juga sijil penghargaan kepada fasilitator-fasilitator kursus ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Penganjuran kursus tersebut juga bertujuan untuk memperbaiki kelemahan teknikal yang sering berlaku dalam kertas siasatan selain untuk meningkatkan lagi kerjasama antara pegawai penyiasat dan pihak pendakwaan.

Kursus yang diadakan selama dua hari telah dimudahcara oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Dengan penganjuran kursus berkenaan adalah diharap dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan para peserta dalam melaksanakan tanggungjawab siasatan serta memastikan kertas siasatan yang disediakan lengkap, berkualiti dan menepati kehendak undang-undang.

BENGKEL MEMANTAPKAN ILMU PENYAMPAIAN MESEJ AL-QURAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah) dengan kerjasama Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (MSSBRPAD), Kampung Manggis / Madang telah mengendalikan Bengkel Latihan Tenaga Pengajar, 'Penceramah Tadabbur Al-Quran Bertauliah'.

Bengkel yang diadakan selama empat hari bermula dari 17 November itu diadakan bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai Tadabbur Al-Quran di negara ini.

Seramai 38 peserta menyertai bengkel berkenaan yang terdiri daripada 17 orang Da'ie PDI, 10 Pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid, tiga Pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (JAMA'AT), dua Pegawai Pelajaran Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan lapan penyertaan mewakili MSSBRPAD.

Hadir sama, Penasihat Jawatankuasa Takmir MSSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang.

PDI dan Jawatankuasa MSSBRPAD mengundang Pengarah Urusan Syarikat Tadabbur Centre Sendirian Berhad (Malaysia), Syahmi Syazeril Azmi, selaku fasilitator bagi bengkel tersebut.

Objektif bengkel berkenaan



PENASIHAT Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang turut hadir memeriahkan bengkel tersebut (atas), sementara gambar kiri, antara peserta bengkel yang hadir.

adalah untuk memantapkan ilmu supaya lebih berkeyakinan dalam menyampaikan mesej Al-Quran dengan lebih berkesan dan berpaksikan sumber tafsir yang muktabar dan mengukuhkan kefahaman para Da'ie dalam bidang Tadabbur Al-Quran agar berupaya mengamati Al-Quran berkaitan dengan aspek kehidupan.

Di samping itu, objektif bengkel juga adalah untuk meningkatkan kemahiran para Da'ie dalam penyampaian dakwah bersumberkan Al-Quran sejajar dengan era transformasi digital, selain menjana minda dan bertukar-tukar pandangan antara

para peserta dengan fasilitator dalam usaha memartabatkan syiar Islam di NBD.

Bengkel tersebut secara umum bertujuan membantu para Da'ie untuk memahami, menghayati dan mengamalkan kandungan Al-Quran dalam kehidupan harian dengan kaedah yang lebih berkesan dan bersistematik agar para Da'ie mampu menyampaikan ilmu Tadabbur Al-Quran kepada masyarakat dengan lebih baik.



PENGARAH Urusan Syarikat Tadabbur Centre Sendirian Berhad (Malaysia), Syahmi Syazeril Azmi, dijemput sebagai fasilitator bagi bengkel tersebut.

جانبك كاي چو لاجا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Membarigakan perancangan pembangunan negara RKN12 Daerah Tutong



PROGRAM Jelajah RKN bagi membarigakan perancangan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) bertempat di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan (kiri dan kanan).

TUTONG, Rabu, 19 November. - Bahagian Rancangan Kemajuan Negara, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) telah

mengadakan Program Jelajah RKN bagi membarigakan perancangan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) bertempat di Dewan Utama, Kompleks Kemasyarakatan, di sini.

Program Jelajah RKN

bertujuan untuk membarigakan perancangan pembangunan negara di bawah RKN12 yang terdapat di Daerah Tutong antaranya pelaburan dalam infrastruktur moden, pendidikan, teknologi dan kemudahan awam yang menjadi pemacu utama pertumbuhan, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Program pembarigakan berkenaan turut memberi penekanan mengenai penglibatan aktif penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan sektor swasta dalam bersama-sama mendukung pembangunan pada peringkat daerah dan negara.

Turut hadir semasa program berkenaan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pengarah di Bahagian Rancangan Kemajuan Negara, MOFE, Dayang Hajah Salawati binti Haji Puasa; ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong



(MPK) dan pihak swasta di Daerah Tutong.

Semasa program pembarigakan berkenaan, selain daripada taklimat-taklimat mengenai RKN12 dan Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) oleh pihak Autoriti Kawalan Bangunan

dan Industri Pembinaan (ABCI), Kementerian Pembangunan, turut diadakan juga Mini Pameran RKN12 dan aktiviti jualan MPK dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) bagi mempromosi budaya dan produk-produk tempatan.



SILA IMBAS UNTUK
KHUTBAH LENGKAP

MATI ITU PASTI


 جِبَاتِنِ حَالِ اَحْوَالِ مَسْجِدِ
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 30 Jamadilawal 1447H / 21 November 2025M

**APABILA SAMPAI AJALNYA, IA TIDAK AKAN DIPERCEPATKAN
ATAU DILEWATKAN WALAUPUN SESAAT...** 

KEMATIAN adalah pemutus, yang memisahkan manusia dari kehidupan, meninggalkan segala yang dimiliki, tiada harta dan tiada teman, dibalut dengan kain putih dan tinggalah mereka itu di dalam tanah yang penuh dengan kegelapan dan bersendirian.

Oleh itu janganlah kita lalai dengan dunia, leka dengan kesenangan, akan tetapi **sentiasalah mengingati mati.**



KELEBIHAN MENGINGATI MATI

- Menimbulkan keinsafan dalam jiwa seterusnya menjadikan seseorang itu semakin tekun beribadah kepada Allah S.W.T
- Meninggalkan apa jua perbuatan mungkar serta dosa

LANGKAH YANG BOLEH DILAKUKAN UNTUK KITA MENGINGATI MATI

- | | |
|--|--|
| 1. Muhasabah diri | 4. Membayangkan seksaan-seksaan dan azab ketika di dalam kubur |
| 2. Membayangkan saat-saat kematian | |
| 3. Membayangkan keadaan diri apabila berada di dalam kubur | 5. Membaca kisah-kisah berkaitan dengan kematian |

TERDAPAT DOA YANG INDAH UNTUK DIAMALKAN, IAITU:

اللَّهُمَّ اخْتِمْ لَنَا بِحُسْنِ الْخَاتِمَةِ
وَلَا تَخْتِمْ عَلَيْنَا بِسُوءِ الْخَاتِمَةِ

Ya Allah, akhirilah hidup kami ini dengan keadaan husnul khatimah kesudahan yang baik (matikan kami dalam iman), dan janganlah Engkau akhiri hidup kami dengan keadaan su'ul khatimah kesudahan yang buruk (mati di luar iman).



Mati itu pasti

menentukan ajal sejak azali lagi. Apabila sampai ajalnya, ia tidak akan dipercepatkan atau dilewatkan walaupun sesaat. Malaikat Izrail yang ditugaskan mencabut nyawa akan menjalankan tugasnya tanpa mengira masa, tempat dan keadaan seseorang. Apabila nyawa berada di kerongkong, segala pintu taubat telah tertutup dan penyesalan tidak lagi berguna. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Kahf, ayat 19 :

Tafsirnya : "Dan (apabila sampai ajal seseorang) datanglah sakaratul maut dengan sebenarnya, (dikatakan :) "Itulah (kematian) yang engkau hendak hindari".

Di dalam Islam, kita disunatkan untuk memperbanyakkan mengingati mati. Ketahuilah bahawa mengingati mati mempunyai banyak kelebihannya, antaranya dapat menimbulkan keinsafan dalam jiwa seterusnya menjadikan seseorang itu semakin tekun beribadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meninggalkan apa jua perbuatan mungkar serta dusta. Mereka inilah yang dikatakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai orang yang bijak, sebagaimana sabda Baginda ketika ditanya oleh orang-orang Ansar, siapakah dalam kalangan orang mukmin yang lebih bijak (jauh pandangannya). Baginda menjawab :

Maksudnya : "Mereka yang paling banyak mengingati mati dan yang paling baik persediaannya untuk menghadapi perkara sesudah mati, mereka itulah yang paling bijak". (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Kematian adalah perkara yang sangat besar dan dahsyat serta menakutkan. Merenungkannya pasti dapat membuat manusia menjauhkan diri daripada kealpaan dunia, tidak banyak bersenang-senang dan mendorongnya untuk segera bersiap-siap menghadapi kematian. Kematian adalah pemutus, yang memisahkan manusia daripada kehidupan, meninggalkan segala yang dimiliki, tiada harta dan tiada teman, dibalut dengan kain putih dan tinggallah mereka itu di dalam tanah yang penuh dengan kegelapan dan bersendirian.

Imam Al-Syafii pernah berkata : "Berapa ramai orang yang sihat, ia mati tanpa sebab. Berapa ramai orang yang sakit tetapi panjang umurnya. Berapa ramai anak kecil yang diharapkan memiliki umur yang panjang, sedangkan jasad mereka telah dimasukkan dalam gelapnya kubur. Berapa ramai orang di petang dan pagi hari ia tertawa, sedangkan kain kapannya telah ditenun sedang ia tidak menyedarinya".

Kematian boleh datang menjemput pada bila-bila masa, entah esok atau lusa, tiada siapa yang tahu kecuali Allah Subhanahu Wata'ala. Jangan sangka dengan kesihatan yang baik, umur masih muda maka ajal itu belum akan tiba. Berapa ramai orang yang kita kenal telah meninggal dunia, ada yang meninggal dunia kerana sakit, ada yang meninggal dunia kerana kemalangan, ada yang meninggal dunia dalam tidur, bahkan ada yang meninggal dunia ketika masih muda usianya. Oleh itu, janganlah kita lalai dengan dunia, leka dengan kesenangan, akan tetapi sentiasalah mengingati mati. Segeralah kita bertaubat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sebelum terlambat, sebelum ajal datang menjemput. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An-Nisa, ayat 18 :

Tafsirnya : "Dan tidak diterima taubat orang-orang yang selalu melakukan kejahatan hingga apabila salah seorang daripada mereka hampir mati, berkatalah dia : "Sesungguhnya aku bertaubat sekarang ini," (sedang taubatnya itu sudah terlambat). Dan tidak (pula diterima taubat) orang-orang yang mati sedang mereka dalam kekafiran. Bagi mereka Kami sediakan azab yang pedih".

Terdapat berbagai-bagai langkah yang boleh dilakukan untuk kita mengingati mati agar berkesan di dalam hati sehingga menjadi mukmin yang lebih beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, antaranya ialah dengan muhasabah diri, membayangkan saat-saat kematian, membayangkan keadaan diri apabila berada di dalam kubur, membayangkan seksaan-seksaan dan azab ketika di dalam kubur, membaca

kisah-kisah atau cerita berkaitan dengan kematian, menziarahi kubur dan sebagainya. Semua ini adalah sebagai ibrah bahawa dunia adalah sementara, menghilangkan rasa kesombongan serta melembutkan hati yang keras, lalai dan berasa dunia itu tiada penghujungnya.

Selain itu, sentiasalah kita berdoa semoga mendapat *husnul khatimah* iaitu pengakhiran yang baik dan semoga dijauhkan daripada *su'ul khatimah* iaitu pengakhiran yang buruk. Sesungguhnya orang mukmin yang mendapat *husnul khatimah* amatlah beruntung. Kerana itu terdapat doa yang indah untuk diamalkan supaya kita dimatikan dalam keadaan *husnul khatimah*, iaitu :

Ertinya : "Ya Allah, akhirilah hidup kami ini dengan keadaan *husnul khatimah* kesudahan yang baik (matikan kami dalam iman) dan janganlah Engkau akhiri hidup kami dengan keadaan *su'ul khatimah* kesudahan yang buruk (mati di luar iman)".

Sesungguhnya ajal datang tanpa amaran, tanpa mengira waktu dan usia, oleh itu berusaha untuk menjadi umat Islam yang beriman dan bertakwa dengan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, melaksanakan perintah-Nya dengan ikhlas dan sempurna seperti sembahyang, puasa, zakat dan sebagainya, memperbanyakkan amalan yang sunat seperti berzikir, berdoa, bersedekah dan sebagainya serta jauhilah daripada perbuatan yang dilarang dan berdosa.

Akhirnya, marilah kita berdoa semoga hidup kita dan keluarga kita terhindar daripada kelalaian dan kemaksiatan. Semoga kita semua mendapat *husnul khatimah* dan amal ibadah kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya : "Setiap yang bernyawa akan merasai mati. Dan sesungguhnya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Oleh itu, sesiapa yang dihindarkan dari neraka dan dimasukkan ke dalam syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya. Dan tiadalah kehidupan di dunia melainkan hanyalah kesenangan yang memperdayakan". (Surah Ali-Imran, ayat 185)

305 pelajar diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran



PEMANGKU Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali hadir selaku tetamu khas majlis (kiri), sementara gambar atas, Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 305 pelajar Tahun 6.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Ke arah melahirkan rakyat celik Al-Quran dan menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai satu amalan harian serta merealisasikan hasrat pembentukan generasi Al-Quran dan Negara Zikir, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah (SASHB) pagi tadi menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 305 pelajar Tahun 6 yang berjaya

mengkhatamkan bacaan 30 Juz Al-Quran.

Majlis diadakan di dewan serbaguna sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pemangku Penolong Pengarah Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Majlis Khatam dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu khas majlis.

Sejurus itu, bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim Al-Quran oleh pelajar-pelajar Tahun 10.

Selepas itu disusuli dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran oleh salah seorang peserta khatam, Awang Ahmad Harith Irfan bin Haji Umarhani.

Majlis diserikan lagi dengan bacaan Dikir Marhaban oleh pelajar-pelajar Tahun 10 dan

kemudiannya Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Muhamad Mahathir bin Haji Adi.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan Sijil Khatam Al-Quran kepada para peserta khatam yang diraikan.

Penganjuran majlis ini dihasrat agar para pelajar sentiasa dekat dengan Al-Quran, menjadikannya panduan dalam setiap langkah kehidupan dan pedoman hingga

ke akhir zaman.

Di samping itu, majlis ini juga menjadi wadah untuk mengukuhkan ukhuwah serta semangat bekerjasama antara warga sekolah dan ibu bapa demi melahirkan generasi pelajar yang cemerlang di dunia dan di akhirat.

Turut hadir, para jemputan khas dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para ibu bapa dan penjaga pelajar-pelajar yang diraikan.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ أَخْتَتِمُنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأُمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ
سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا
فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ
اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ
وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ
وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ
حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ
الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى
الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ
وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ،
وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اَسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ
شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ،
فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

STAHB ADAKAN HARI TERBUKA



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah (STAHB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Sebagai wadah perkongsian maklumat bagi pelajar-pelajar persekolahan Arab dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah yang berminat untuk melanjutkan pembelajaran mereka ke satu-satunya pusat tingkatan enam atau prauniversiti persekolahan Arab yang ada di negara ini, Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah (STAHB)

mengadakan Hari Terbuka yang mengambil tempat di Dewan STAHB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan merasmikan Hari Terbuka sekolah berkenaan ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Acara juga bertujuan membarigakan kemudahan-kemudahan serta jurusan-jurusan

pembelajaran yang ditawarkan di sekolah berkenaan, di samping hala tuju dan peluang melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi nanti.

Acara pada hari tersebut turut disertai oleh Bahagian Pembangunan Sumber Tenaga Manusia dan Basiswa, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Bahagian Basiswa, Kementerian Pendidikan; Bahagian Basiswa, Kementerian Pertahanan; Bahagian Basiswa, Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah; Bahagian Basiswa, Brunei Shell Petroleum Company Sendirian Berhad; Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei.

Majlis terlebih dahulu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat sebelum diteruskan dengan ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Pengetua STAHB, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad.

Tetamu kehormat turut menyampaikan sijil penyertaan kepada pihak-pihak yang mengambil bahagian dalam Program Hari Terbuka tersebut, diikuti dengan lawatan ke ruang-ruang pameran.

■ Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



TETAMU kehormat menyampaikan sijil penyertaan.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia
Sila muat turun
PenggunaBijak



Program membarigakan RKN12 di Daerah Belait

BELAIT, Khamis, 20 November. - Program Jelajah Daerah Belait merupakan inisiatif berterusan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) bagi membarigakan Rancangan

PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat pada program pembarigaan Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 di Dewan Persidangan Kuala Belait.

■ Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12) yang menjadi landasan utama dalam menyediakan pembangunan asas bagi memudahkan cara dan mendukung ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Program yang diadakan di Dewan Persidangan Kuala Belait tersebut dianjurkan oleh MOFE dengan kerjasama Jabatan Daerah Belait (JDB), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani. Turut hadir, Pengarah Bahagian RKN, MOFE, Dayang Hajah Salawati binti Haji Puasa; penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, ketua-ketua jabatan, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan pihak swasta.

Program pembarigaan pada kali ini turut memberi penekanan mengenai penglibatan aktif

penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung dan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, serta penyertaan pengusaha dan pemaju tempatan dalam menjayakan projek-projek pembangunan di seluruh negara.

Selaras dengan tumpuan tersebut, pelaksanaan pembangunan RKN12 di Daerah Belait akan memberi fokus kepada penambahbaikan infrastruktur asas termasuk kawasan perindustrian, kemudahan pendidikan, kesihatan serta pelaksanaan inisiatif pendigitalan dan teknologi hijau yang menyokong pertumbuhan ekonomi baharu.

Selain taklimat mengenai RKN12 dan Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS), program turut diisi dengan Mini Pameran RKN12 dan aktiviti jualan MPK bagi mempromosikan budaya dan produk-produk tempatan.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada program tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025
2. 'Pemandu Berhemah, Negara Sejahtera'. Tarikh Tutup : 3 Disember 2025
3. 'Kepentingan Pendidikan Dalam Membangunkan Negara'. Tarikh Tutup : 10 Disember 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MENINGKATKAN KESEDARAN AWAM PERANAN SENI BINA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong menyaksikan ruang Pameran Seni Bina (kiri), manakala gambar kanan, pameran membawa tema 'Alam Semula Jadi Bertemu Budaya'.

pelajar pada akhir majlis.

Turut hadir, Pemangku Pengetua PB, Dayang Hajah Armah binti Tengah; ketua-ketua sekolah dan bahagian PB, staf akademik, panel penilaian, mentor-mentor dan penilai karya kreatif pelajar.

Pada majlis berkenaan turut menyaksikan ucapan perasmian daripada Penolong Ketua Sekolah Sains dan Kejuruteraan, PB, Awang Muhammad Aizuddin bin Roslan, yang antara lain menekankan kepentingan hubungan komuniti yang kukuh dalam memupuk bakat dan memupuk inovasi dalam bidang seni bina.

Objektif utama pameran berkenaan ialah menyediakan landasan kepada para pelajar untuk membentangkan idea dan inovasi yang berkaitan dengan keperluan seni bina semasa, memperkukuh kerjasama industri, dan meningkatkan



kesedaran awam tentang peranan seni bina dalam pembangunan negara.

Adapun matlamat utama pameran berkenaan termasuklah untuk membentangkan projek pelajar sebagai cadangan awal yang berpotensi menyumbang kepada pembangunan bandar lestari yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035; dan menyediakan peluang untuk projek terpilih untuk dibangunkan dan dilaksanakan lebih lanjut termasuk

kerjasama dengan syarikat-syarikat yang mantap.

Menerusi pameran projek pelajar seni bina pada tahun ini merangkumi cadangan untuk bangunan pelbagai guna, bangunan komersial dan kemudahan tandas awam di Pekan Tutong, dengan memberi tumpuan kepada keseimbangan antara tradisi, budaya, keperluan sosial dan pertumbuhan ekonomi, selaras dengan tema 'Alam Semula Jadi Bertemu Budaya'.

Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BERAKAS, Rabu, 19 November. – Dengan matlamat untuk meraikan daya kreativiti, dedikasi dan inovasi golongan pelajar sekali gus bukan hanya mencerminkan pencapaian akademik bahkan juga menyerlahkan identiti, nilai-nilai dan idea seni bina yang berpandangan jauh untuk masa depan Negara Brunei Darussalam (NBD), Politeknik Brunei (PB) telah mengadakan Pameran Seni Bina Ke-3 dengan majlis pembukaannya berlangsung bertempat di Dewan Atria Simpung, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR).

Pameran selama dua hari yang dibuka kepada orang ramai sehingga 20 November 2025 ini membawa tema 'Alam Semula Jadi Bertemu Budaya' dan mengetengahkan hasil karya projek seni bina daripada 77 pelajar di bawah Program Diploma Tahap 5 dalam Seni Bina PB dari Sekolah Sains dan Kejuruteraan, Kampus Lumut.

Dalam pada itu, hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri yang turut menyaksikan ruang Pameran Seni Bina

Melahirkan generasi berpendidikan agama, berakhlak mulia



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Hari Terbuka Sekolah Arab Belait dan seterusnya merasmikan acara berkenaan (kiri dan kanan).

bagi memeriahkan program antaranya pameran pendidikan, aktiviti interaktif, kemahiran digital serta reruai keusahawanan.

Acara dimulakan dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah, Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah. Diikuti dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Ahmad Za'im bin Haji Bagol, tenaga pengajar sekolah berkenaan.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Arab Belait, Pengiran Hajah Masniah@Nur Amalina binti Pengiran Hussin.

Semoga dengan penganjuran Hari Terbuka berkenaan, Sekolah Arab Belait terus menjadi wadah pendidikan unggul yang mampu melahirkan generasi berilmu, berjaya, berimam dan berakhlak mulia serta berdaya saing demi kemajuan agama, bangsa dan negara.

BELAIT, Rabu, 19 November. – Bagi membarigakan maklumat mengenai persekolahan Arab kepada masyarakat di negara ini, khususnya penduduk di Daerah Belait seperti program pendidikan, kemasukan pelajar, pencapaian sekolah serta peranan Sekolah Arab dalam sistem pendidikan negara, di samping memberi peluang kepada para ibu bapa dan penjaga meninjau kemudahan pembelajaran melalui lawatan dan penerangan terus, Sekolah Arab Belait pagi tadi mengadakan Hari

Terbuka bersempena memperingati Ulang Tahun Ke-20 Penubuhannya di daerah berkenaan, yang sekali gus sebagai tanda penghargaan atas peranan sekolah dalam melahirkan generasi berpendidikan agama dan berakhlak mulia.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Hari Terbuka Sekolah Arab Belait dan seterusnya merasmikan acara, Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Muhammad Faiq bin Haji Rani.

Pelbagai acara menarik disusun



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Uagama

جاڤت: كاجي چوڤا بروني دارالسلام

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

JANGAN MUDAH MENYALAKAN LAMPU AMARAN BAHAYA (HAZARD LIGHTS)

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

KASIH SAYANG PENTING DALAM MEMBINA KELUARGA KUKUH, BAHAGIA



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang mengambil tempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong (kiri), sementara gambar kanan, ketika nadwah bertajuk 'Peranan Keluarga dan Masyarakat Menangani Buli' diadakan.

TEMBURONG, Khamis, 20 November. - Agama Islam adalah agama yang syumul iaitu agama yang lengkap merangkumi semua aspek kehidupan termasuklah dalam sifat kasih sayang. Kasih sayang adalah fitrah semula jadi yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan dalam naluri setiap insan.

Sifat kasih sayang amat penting dalam membina sebuah keluarga yang kukuh, bahagia dan harmoni. Dalam hal yang berkaitan, perbuatan buli yang semakin hangat diperkatakan dewasa ini

sudah setentunya boleh memberi kesan yang negatif kepada individu yang menjadi mangsa.

Buli merupakan perbuatan yang bertentangan dengan syariat Islam dan tidak boleh dipandang ringan. Justeru, program berkaitan Kempen Kesedaran Anti Buli boleh menjadi pemangkin dan mekanisme awal dalam mencegah isu ini dari semakin berleluasa.

Di samping itu, keperluan kerjasama Whole of Nation Approach sangat penting bagi memperkasa dan menjayakan

kempen ini di segenap peringkat masyarakat.

Perkara tersebut merupakan inti pati yang diutarakan dalam Nadwah Isu Kontemporari dan Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah bertemakan 'Memupuk Nilai Wasatiyah dalam Beragama dan Berkeluarga di Negara Brunei Darussalam (NBD)', yang diadakan pagi tadi bertempat di Kediaman Rasmi Pegawai Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang

Hassan Baha bin Haji Umar. Turut hadir, Penolong Ra'es (Hal Ehwal Akademik), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Norasimah binti Haji Omar; pegawai-pegawai utama KUPU SB; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; pegawai serta kakitangan kerajaan.

Sejurus ucapan alu-aluan daripada Pengarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, selaku Pengerusi Bersama Majlis, Dayang Hajah Aisyah

Berita dan Foto :
Nurdiyanah Rajami

Radhiah@Rosni binti Haji Abdul Gani, kuliah umum bertajuk 'Konsep Kesederhanaan Beragama di NBD' telah disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah, KUPU SB, Dr. Haji Matussein bin Haji Jumat.

Acara berkenaan turut mengetengahkan nadwah bertajuk 'Peranan Keluarga dan Masyarakat Menangani Buli' dengan menampilkan dua ahli panel yang terdiri daripada Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam dan Penolong Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, Awang Hilman bin Haji Salim.

Manakala, Awang Abdul Hakim bin Dr. Haji Roslan dari Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB selaku moderator.

Nadwah kelolaan Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah KUPU SB, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari KUPU SB dan Pejabat Hal Ehwal Daerah Temburong ini antara lain bertujuan memupuk nilai kesederhanaan beragama dan berkeluarga menurut Ahli Sunnah Waljama'ah, di samping mengenal pasti kaedah fiqh kontemporari dalam menangani isu kekeluargaan.

Mengukuhkan hubungan antara rakyat, menyumbang kepada komuniti setempat



KEDUTAAN Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam mengadakan satu acara amal khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (kiri), manakala gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan tayangan filem.



Oleh : Khartini Hamir
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BENGKURONG, Khamis, 20 November. - Sempena Hari Kanak-kanak Antarabangsa, Kedutaan Republik Islam Iran di Negara Brunei Darussalam (NBD) pagi tadi mengadakan satu acara amal khas di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam (Pusat Ehsan), sebagai tanda sokongan terhadap aktiviti pendidikan pusat berkenaan serta bagi memperingati Ulang Tahun Ke-35 Hubungan Diplomatik antara Republik Islam Iran dan NBD.

Sebagai sebahagian daripada komitmen berterusan kedutaan dalam mengukuhkan hubungan antara rakyat serta menyumbang kepada komuniti setempat, kedutaan turut menyumbangkan sebuah komputer riba kepada Pusat Ehsan.

Sumbangan berkenaan bertujuan untuk menyokong program latihan, pentadbiran dan pembelajaran para pelajar di pusat berkenaan.

Semasa acara berlangsung, para pegawai kedutaan juga mengadakan tayangan khas filem animasi Republik Islam Iran bertajuk 'Dolphin Boy', arahan Mohammad Kheyrandish yang diterbitkan pada 2022.

Filem berkenaan dihargai kerana jalan ceritanya yang menyentuh hati serta visual yang menarik, telah memukau para penonton, khususnya para pelajar Pusat Ehsan.

'Dolphin Boy' mengisahkan

tentang perjalanan seorang budak lelaki yang diselamatkan daripada ombak oleh Snowball, seekor ikan lumba-lumba yang berani, selepas terselamat daripada nahas pesawat.

Mereka membesar sebagai sahabat karib, memenuhi lautan dengan pelbagai pengembaraan yang ceria sehingga ketenangan dunia mereka digugat oleh seekor sotong jahat.

Diusir ke daratan, budak berkenaan terpaksa menyesuaikan diri dengan kehidupan manusia dan mencari jawapan tentang asal-usul dirinya. Dengan bantuan seorang kapten bernama Murvarid serta Snowball yang setia, dia memulakan sebuah pengembaraan penuh cabaran, persahabatan, dan penemuan magis merentasi lautan dan pulau-pulau jauh.

Pihak kedutaan menekankan bahawa sumbangan dan tayangan filem berkenaan mencerminkan usaha diplomasi budaya Republik Islam Iran serta hasratnya untuk memupuk hubungan baik, kerjasama, dan saling memahami dengan rakyat NBD, khususnya ketika kedua-dua negara meraikan 35 tahun hubungan diplomatik yang mesra dan erat.

Pegawai-pegawai kedutaan turut hadir dalam acara berkenaan dan menyatakan penghargaan kepada Pusat Ehsan atas usaha berterusan mereka dalam memperkasa individu berkeperluan khas.



KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bil. Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 12 /
2025 - 2026

Keterangan:
Membekal dan Menghantar
Buku-Buku Teks Pelajaran Umum
Persekolahan Arab,
Bagi Sesi Pembelajaran
Tahun 2026,
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Tahun 1447H - 1448H /
2025M - 2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu,
12 Jamadilakhir 1445H /
3 Disember 2025M



Bilangan Sebut Harga:
102 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Upgrade Of Meeting Room
Display Facilities Through Supply,
Delivery, And Installation Of Smart
Television Units And Accessories
For The Ministry Of Religious
Affairs (MORA)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 26 November 2025,
Jam 2.00 Petang



Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Sebut
Harga dan dialamatkan kepada
**Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis, 27 November
2025.**

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 90 / 2025-2026
One Time Preventive Maintenance
Services For Nutrition &
Toxicology Tests

JPt / SH / 91 / 2025-2026
Perkhidmatan Mengangkat Dan
Membuang Sampah Bagi
Bangunan-Bangunan Di Bawah
Kawalan Jabatan Pertanian Dan
Agrimakanan Selama
Tiga (3) Tahun

JPt / SH / 92 / 2025-2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am Dan
Elektrik Di Bangunan Flat Mulaut
Di Bawah Kawalan Jabatan
Pertanian Dan Agrimakanan

JPt / SH / 93 / 2025-2026
Pembinaan Saliran Baharu Di
KKP Labi Lama, Daerah Belait

JPt / SH / 94 / 2025-2026
Pembekalan Dan Penghantaran
Laboratory Consumables

JPt / SH / 95 / 2025-2026
Membekal Dan Menghantar Elisa
Test Kits Dan Reference Control
Bagi Pemeriksaan Serologi
Khusus Bagi Penyakit Berjangkit
Ternakan

JPt / SH / 96 / 2025-2026
Supply And Delivery Of
Laboratory Blenders For
Multi-Mycotoxin Analysis In

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
49 / KHEU / BTM / 2 / RFQ / 2025
Supply And Delivery Of Desktop
Computers For DHCP Deployment
At Schools Under The Ministry
Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
TA / BKS / 001
[JPPK / LTN / 16 / 2025]
Kerja-Kerja Pembaikan dan
Pemeliharaan 26 Unit Perumahan
RIPAS, Jalan Pasir Berakas

Tarikh Mula Tawaran:
20 Oktober 2025

Kelas:
IV dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 10 November 2025**

Tarikh Tutup Tawaran:
2.00 Petang, 25 November 2025
(Selasa)

Nutrition & Toxicology Laboratory

JPt / SH / 97 / 2025-2026
Supply And Delivery Of
Laboratory Quality Control
Materials For Analysis In Nutrition
& Toxicology Laboratory



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
14 / KHEU / BTM / 2 / RFP /
2025
The Supply, Delivery,
Installation, Configuration,
Testing And Maintenance Of
Fibre Distribution Switch And
POE Access Switches For
Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
10 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bil. Sebut Harga:
105 / KHEU / BTM / 2 / RFQ /
2025
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing,
Commissioning, Removal Of
Exisiting Projector And One (1)
Year Maintenance Of High
Brightness Laser Projectors For
Dewan Multaqa,
Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
3 Disember 2025
Jam 2.00 Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (soft copy)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 097 / 2025

Tajuk:
Independent Technical Audit Of DES
11KV Switchgear Panels

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri, Lobi
Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan
Perdana Menteri, Jabatan Perdana
Menteri, Bandar Seri Begawan,
BB3913 Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
BAPEQS – Profesional Electrical
Practitioner, Kementerian
Pembangunan in partnering with
International / Regional Technical
Auditing Companies

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat
4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan "Business
Names Enactment, 1958 - Section
16 & 17", Sijil Pendaftaran
Pemborong (MOD), Sijil Tabung
Amanah Pekerja, "TAP Employer
Contribution" dan "Certificate of Tax
Compliance" semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / LIB / 01-11 /
2025 - 2026
Membekal Dan Menghantar
Langganan Surat Khabar Bagi
Kegunaan Perpustakaan Kolej
Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan

Tarikh Tutup:
Rabu, 3 Disember 2025

Tempat:
Peti Tawaran Sebut Harga,
Kementerian Hal Ehwal Ugama



Bilangan Sebut Harga:
JPE / LTK / BPP / 094 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Maintenance Of Street Lights In Belait
District For A Period Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri, Lobi
Utama, Aras 1, Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
mempunyai kategori E01 dan E02
dalam Kelas 3, 4 atau 5 sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan - penerangan yang lanjut
bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat
Empat (4), Jabatan Perkhidmatan
Elektrik, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kelas:
Terbuka

Kategori:
Terbuk

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
KHEDN / LTK / 2025-09
Kerja-Kerja Pembaikpulihan
Dan Menaiktaraf
Pasar Gadong

Bilangan Projek:
KHEDN / UPE / 2106 / 08

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 068 / 2025

Tajuk:
Selective Wayleave Clearing Of
11KV Rated
Slim Poles Overhead Line For
Bukit Sawat – Merangking
Segment,
Mukim Bukit Sawat For A
Period Of 3 Years

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 2, 3
Atau 4 dalam Kategori E02 dan
mempunyai pekerja yang
berdaftar dengan JPE dalam
kategori E02.



**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Bilangan Sebut Harga:
JKBD / 2025 / SH – 22

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan
/ Pembekalan:**
Kerja-Kerja Pembuatan Aluminium
Louver Wall Di Bangunan
Ibu Pejabat Jabatan Kajicuaca
Brunei Darussalam

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:
Rabu, 10 Disember 2025
Sebelum jam 9.00 Pagi

Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 019 / 2025

Tajuk:
Technical Maintenance Of
GPS2 66KV Gas Insulated
Switchgear (GIS) B1-02 AEG
Germany

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Jam 2.00 Petang

Harga Dokumen:
BND1000.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelayakan:
Mempunyai pendaftaran syarikat
dengan Kementerian
Pembangunan dalam Kelas 3, 4
Atau 5 dan mempunyai pekerja
yang berdaftar dengan JPE dalam
kategori E03.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
B01 & M02 ATAU M03 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Khamis,
20 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa
25 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 044 / 2025

Nama Projek:
Penggantian Bahan Lantai,
Overhead Crane dan
Pembersihan Cermin
Di Loji Rawatan Air Mengkubau
dan Empangan Air Mengkubau,
Jabatan Perkhidmatan Air

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan**

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM036 / 2025

Nama Tawaran:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bagi
Bangunan Stor Bahagian
Pengurusan Estet dan Perumahan,
Jabatan Kemajuan Perumahan

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 18 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Disember 2025



**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Makluman Pemberitahuan
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
MFA / ICC / 02 / 2025-26

Tajuk Tawaran:
Supply, Delivery And Installation
Of New LED Screens At Plenary
Hall And Other Related Works At
The International Convention
Centre (ICC), Berakas For The
Ministry Of Foreign Affairs,
Brunei Darussalam

Bayaran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Januari 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

Tawaran No. 01
Term Contract for One (01) Year of Maintenance of Existing Lighting and Electrical Accessories at Department of Civil Aviation Buildings, Brunei International Airport - Fsoor

AME / 2025-2026 / SH-63
(kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 02
Term Contract for Vehicles Maintenance Services, Department of Civil Aviation

AME / 2025 – 2026 / SH-72

Tawaran No. 03
Term Contract for Wildlife Issues at Brunei International Airport for Twelve (12) Months

AME / 2025-2026 / SH-74
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
12 November 2025,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
25 November 2025,
Selasa.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
26 November 2025,
Rabu



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Penerbitan Iklan Universiti Islam
Sultan Sharif Ali**

UNISSA / SB0051 / 2025 / 2026
To Supply,
Delivery And Installation Of Mini
Greenhouse For Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Research Project Titled "Improving
Soil Quality, Paddy Yield And
Paddy Farmers Profit Using
Organic Conditioners From
Chicken Dung" –
[CLASS: 1 & ABOVE] &
[CATEGORY: KA01 & B01]

Tarikh Tutup:
Rabu,
26 November 2025



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

Sebut Harga Secara Terbuka:
Term Kontrak 36 Bulan Bagi
Kerja-Kerja 'Pest Control' Di
1. Bangunan Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Commonwealth Drive
2. Bangunan Pusat Standard
Akreditasi Brunei Darussalam
(PSABD), Anggerek Desa
3. Bangunan Ekosistem
Perniagaan (IBE), Anggerek Desa

Bilangan Rujukan Sebut Harga:
MOFE / Q / 2025 - 4

Yuran Tawaran / Dokumen :



**Penerbitan Iklan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

1) UNISSA / SB0050 / 2025 / 2026
To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Audio Translator Systems For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Gadong Campus

2) UNISSA / SB0052 / 2025 / 2026
To Supply, Delivery And Training
Of Research Equipment,
Hardware With Software For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Research Project Titled
"Improving Soil Quality, Paddy
Yield And Paddy Farmers Profit
Using Organic Conditioners From
Chicken Dung"

Tarikh Tutup:
Rabu,
26 November 2025



BND10.00 (BND5.00 e-dokumen)

Tarikh Tutup :
Isnin,
1 Disember 2025



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
2. **Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.**
3. **Lengkapkan Profil PSQR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
4. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
5. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** (sijil, transkrip dan pengiklanan / Tajuk Kelulusan / Pengiklanan Kelulusan)
6. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras"** di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
7. **Lengkapkan Maklumat** (Jawatan / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipaparkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

	JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1.	JURUTERA KERJA JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN B.3 (BAHAGIAN II) 2025/NOV/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	01 DISEMBER 2025
2.	PENOLONG KETUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/NOV/02/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA, DAN SUKAN	01	7(A)	01 DISEMBER 2025
3.	PEKERJA BELIA DAN SUKAN TINGKAT I PUSAT PEMBANGUNAN BELIA D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2025/NOV/03/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA, DAN SUKAN	01	7(A)	01 DISEMBER 2025
4.	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I AUTORITI KAWALAN PEMBANGUNAN DAN INDUSTRI PEMBINAAN B.3 (BAHAGIAN II) 2025/NOV/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	38(A)	01 DISEMBER 2025
5.	PENOLONG KETUA PENYUNTING BERITA DAN HAL EHWAL SEMASA JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI B.2 / B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2025/NOV/02/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	04	38(B)	01 DISEMBER 2025

PERINGATAN
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DILAKSANAKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSQR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI: WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**MAKLUMAN
TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat I,
Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja
iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan
melalui kaunter SPA atau melalui emel di ulp.spa@spa.gov.bn

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN
BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON**

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi
syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**

Info Pemohon Skim Iklan

Bilangan Iklan:	2022/AUG/33	Bahagian:	3
Jawatan:	PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II	Tangga Gaji:	5.2 EB.3
Kementerian:	KEMENTERIAN KEMAJUAN BELIA DAN SUKAN	Kelompok:	1
Jabatan:	PUSAT SEJARAH BRUNEI	Jenis Iklan:	7(A)
Unit:		Tarikh Mula:	05 SEPTEMBER 2022
		Tarikh Tutup:	15

SKIM IKLAN

1. **DAFTAR MASUK KE PROFIL PSQR 2.0**
2. **Lengkapkan Kelulusan**
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap**
4. **Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selaras"**
5. **Lengkapkan Maklumat**

MEMPERKUKUH HUBUNGAN DUA HALA, MENINGKATKAN KERJASAMA PENDIDIKAN STEM



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah menyelaras penyertaan bagi lapan pelajar dan dua guru dari Sekolah Rendah Mabohai dan Sekolah Rendah Rimba III untuk mengikuti Program Immersi (STEM) yang menjurus kepada lawatan sambil belajar ke Sekolah Kebangsaan Petra Jaya dan Sekolah Kebangsaan Matang Jaya di Kuching Sarawak, Malaysia.

Program berkenaan akan diadakan pada 20 hingga 22 November 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi

mengucapkan selamat belayar kepada rombongan, Pemangku Pengarah, JSS, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan.

Program berkenaan merupakan satu pengalaman di luar negara bagi guru pengawas dan pelajar yang terlibat secara langsung dalam pendidikan STEM, iaitu Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Melalui program berkenaan, para pelajar akan dapat meningkatkan minat dan kreativiti mereka dalam pendidikan STEM, di samping memupuk kemahiran berfikir mereka secara kritis. Pelajar juga akan didedahkan kepada inovasi terkini dan



PEMANGKU Pengarah, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fazlin bin Haji Amdan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada rombongan dari Sekolah Rendah Mabohai dan Sekolah Rendah Rimba III yang mengikuti Program Immersi (STEM) (atas kiri dan atas).

berpeluang menyaksikan bagaimana teori diaplikasikan dalam amalan.

Pengalaman berkenaan akan membolehkan pelajar menyesuaikan (adapt), mengamalkan (adopt) dan mengongsikan teknik baharu yang dipelajari dengan rakan-rakan untuk menambah baik projek

mereka di sekolah nanti.

Antara tujuan penyertaan juga adalah untuk memperkukuh hubungan dua hala dan meningkatkan kerjasama dalam bidang pendidikan STEM di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia.

Kolaborasi antara sekolah-sekolah yang terlibat juga

akan dimantapkan bagi menjamin kelestarian pendidikan STEM untuk sentiasa relevan dan berkembang maju di dalam mahupun di luar waktu kurikulum sekolah.

Turut hadir di LTAB ialah pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah serta ibu bapa dan ahli keluarga pelajar.

Lawatan sambil belajar ke Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



ANTARA sekolah yang terlibat dalam program lawatan sambil belajar ke Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sebagai usaha meningkatkan kefahaman pelajar mengenai Majlis Mesyuarat Negara (atas, atas kanan dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 November. - Sepanjang bulan November tahun ini, beberapa buah sekolah telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat sebagai usaha meningkatkan kefahaman pelajar mengenai Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Program ini memberikan pengenalan tentang peranan dan fungsi MMN serta perjalanan Persidangan MMN.

Perisian lawatan merangkumi sesi penerangan mengenai sejarah perkembangan MMN sejak penubuhannya semula pada tahun 2004 hingga kini, di samping lawatan ke Dewan Persidangan dan kawasan-kawasan utama di

Bangunan Dewan Majlis.

Pelajar-pelajar juga berkesempatan untuk mempelajari elemen seni bina berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja, di samping menjadi lambang kepada identiti dan nilai yang menjadi asas MMN.

Selain itu, para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti aktiviti simulasi perbahasan yang memberi pendedahan kepada struktur perbahasan MMN dan proses pembentangan dalam persidangan. Aktiviti ini membantu mereka memahami prinsip bermuzakarah dan penyampaian pandangan.

Antara sekolah yang terlibat dalam program lawatan kali ini termasuk, Seri Mulia Sarjana

International School, Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Sekolah Rendah Pengiran Muda Mahkota dan International School Brunei.

Secara keseluruhan, program ini diharapkan dapat meningkatkan kefahaman sivik dalam kalangan pelajar serta menggalakkan minat terhadap MMN.

Pendedahan seumpama ini diharap akan dapat membantu generasi muda membina kesedaran awal mengenai peranan MMN dan kepentingan dalam pembangunan negara pada masa hadapan.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat



MEMUPUK BUDAYA KELESTARIAN, KESEDARAN EKOLOGI PELAJAR



ACARA berkenaan menampilkan pelbagai rekaan pakaian inovatif yang dihasilkan sepenuhnya daripada bahan terpakai dan sisa buangan (kiri). Manakala gambar kanan, acara turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Trashion : Sustainable Fashion Show, yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan.

Acara berkenaan menampilkan pelbagai rekaan pakaian inovatif yang dihasilkan sepenuhnya daripada bahan terpakai dan sisa buangan, menggambarkan usaha sekolah dalam memupuk budaya kelestarian serta kesedaran ekologi dalam kalangan pelajar.

Acara turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang, yang disempurnakan oleh Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Nor'izzah



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Sekolah Menengah Sayyidina Husain terus memperkukuh komitmennya terhadap pemuliharaan alam sekitar melalui penganjuran

جابتن فراتخفن ايكونومي دان ستاتيسيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HUKUM PENGESAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ✓ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ✓ Dapatkan resit rasmi.
- ✓ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ✓ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

binti Haji Othman.

Penganjuran program berkenaan selaras dengan pelaksanaan Pelan Pendidikan Hijau, yang menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035, Dasar Perubahan Iklim Kebangsaan Brunei (BNCCP) serta keutamaan Kementerian Pendidikan dalam memperkukuh pembangunan mampan dan pembudayaan amalan hijau dalam institusi pendidikan.

Pertunjukan Trashion menjadi platform penting dalam menyokong hasrat nasional untuk melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab, peka perubahan iklim dan berdaya tahan.

Pertunjukan pada tahun ini bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai kesan sisa buangan terhadap alam sekitar, serta memupuk kefahaman tentang kepentingan amalan kitar semula dan guna semula dalam kehidupan seharian.

Selain itu, program berkenaan turut mengembangkan kemahiran reka bentuk, kreativiti, inovasi, penyelesaian masalah serta kerjasama berkumpulan melalui

Berita dan Foto : Ihsan Awang Abdul Aziz Pandin

tugasan projek yang mencabar dan berimpak.

Penyertaan pada tahun ini amat menggalakkan, melibatkan pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11, termasuk pelajar Program Pra-Vokasional. Setiap rekaan yang dipersembahkan menyerlahkan daya imaginasi, kepekaan estetika dan kemampuan teknikal para peserta, dengan setiap busana menampilkan konsep tersendiri yang menekankan nilai kelestarian dan tanggungjawab terhadap alam sekitar.

Acara turut mendapat sokongan padu daripada beberapa kelab sekolah termasuk Kelab Kreatif, Kelab Usahawan Muda, Kelab STEM, Kelab Spelling Bee dan Kelab Bahasa Jepun, yang menyumbang kepada kelancaran

penganjuran serta menambah kemeriahan suasana melalui penglibatan aktif komuniti sekolah.

Melalui penganjuran pertunjukan Trashion berkenaan, Sekolah Menengah Sayyidina Husain sekali lagi membuktikan peranannya sebagai institusi yang komited terhadap pendidikan berteraskan kelestarian.

Program sebegini bukan sahaja meningkatkan kesedaran alam sekitar, tetapi turut menyediakan ruang kepada pelajar untuk menonjolkan bakat, kreativiti dan pemikiran kritis. Acara berkenaan menjadi bukti bahawa bahan terbuang mampu diangkat menjadi karya fesyen yang bernilai tinggi apabila digarap dengan visi yang tepat dan sentuhan inovatif.

Cuaca diramalkan aktif berterusan

Siaran Akhbar : Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Negara Brunei Darussalam (NBD) telah memasuki Monsun Timur Laut, yang lazimnya akan berterusan sehingga Mac 2026.

Kedaaan cuaca aktif dijangka berterusan sehingga Ahad, 23 November 2025. Hujan sekali-sekala lebat dan berpetir dijangka menjejaskan beberapa kawasan negara terutama pada waktu petang dan malam, dengan kelajuan angin sehingga 45kmsj semasa atau dekat hujan lebat dan berpetir. Di perairan NBD, keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit ke sederhana, dengan ketinggian ombak di antara 0.6 meter (m) hingga 1.8m.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang. Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut diparas sederhana adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah dan pantas melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114 atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneweather](https://www.facebook.com/bruneweather), Instagram [@bruneweather](https://www.instagram.com/bruneweather) dan saluran Telegram serta WhatsApp (Brunei Weather).

Penarikan balik produk ByHeart Whole Nutrition Infant Formula

Siaran Akhbar dan Foto : Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Pihak Berkuasa Makanan Brunei Darussalam (BDFA) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Rangkaian Pihak Berkuasa Keselamatan Makanan Antarabangsa (International Food Safety Authorities Network-INFOSAN) telah

mengeluarkan notis mengenai penarikan balik produk ByHeart Whole Nutrition Infant Formula yang dikaitkan dengan wabak botulisme anak damit melibatkan beberapa negeri di Amerika Syarikat (AS).

Botulisme anak damit selalunya bermula dengan sembelit tetapi tanda awal yang sering diperhatikan adalah kesukaran menyusu (menghisap dan menelan), tangisan yang lemah dan berubah, serta kekurangan kawalan kepala.

Produk ByHeart Whole Nutrition Infant Formula yang ditarik balik termasuk semua nombor lot, semua saiz tin dan paket hidangan tunggal. Produk berkenaan juga

diedarkan secara dalam talian melalui peruncit utama seperti Amazon.com, yang telah memaklumkan kepada semua pelanggan yang membeli barangan ByHeart melalui platformnya.

Dalam hal ini, BDFA telah mengesahkan bahawa jenama yang terjejas berkenaan tidak diimport secara komersial ke dalam negara. Walau bagaimanapun, orang ramai yang telah membawa masuk produk berkenaan ke dalam negara sebagai konsesi peribadi atau membeli produk tersebut melalui platform dalam talian digesa untuk berhenti menggunakan produk tersebut dengan segera.

BDFA ingin mengingatkan semua bahawa di bawah Seksyen 9 subseksyen (1), subperenggan (i) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggali 182), mana-mana orang yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh membahayakan kesihatan boleh dikenakan hukuman penjara selama lima tahun, didenda atau kedua-duanya sekali.

PRODUK ByHeart Whole Nutrition Infant Formula yang ditarik balik termasuk semua nombor lot, semua saiz tin dan paket hidangan tunggal.



162 PELAJAR SR YSHHB DIRAIKAN PADA MAJLIS KONVOKESYEN



PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada graduan (kiri), manakala gambar kanan, antara pelajar yang diraikan.

dan kecemerlangan yang dikongsikan bukanlah sesuatu yang mudah. Pihak sekolah antaranya, menetapkan sasaran bagi semua mata pelajaran pada setiap ujian penilaian yang dijalankan.

"Di samping itu, turut diadakan kelas tambahan setiap Jumaat untuk semua pelajar bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi selain turut menyusun penjadualan kelas intensif PSR, satu mata pelajaran setiap hari dari Isnin hingga Khamis sewaktu jam makan tengah hari bermula 12.45 tengah hari hingga 1.30 petang bagi pelajar yang memperoleh Gred 'D' dan 'E'," ujarnya.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis menyempurnakan penyampaian hadiah kepada Pelajar Terbaik bagi setiap kelas 2025, Pelajar Terbaik Keseluruhan dan pelajar yang menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran melalui Pusat Bimbingan Pembelajaran

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 November. - Seramai 162 pelajar Tahun 6 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SR YSHHB) diraikan pada Majlis Konvokesyen Penyampaian Hadiah dan Sijil Pelajar Terbaik Tahun 6, 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil kepada graduan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.

Pengetua SR YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat dalam ucapannya mengongsikan bahawa pencapaian Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) SR YSHHB pada tahun ini menunjukkan peningkatan yang cemerlang dengan memperoleh 93.2 peratus pelajar mendapat Gred 'A' hingga Gred 'C', manakala pelajar-pelajar yang memperoleh Gred 'A' hingga Gred 'D' adalah sebanyak 98.8 peratus, yang hampir mencecah 100 peratus.

Jelasnya lagi, sebuah kejayaan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



(Learning Support Center).

Majlis Konvokesyen berkenaan dianjurkan setiap tahun bagi meraikan pencapaian pelajar-pelajar Tahun 6 sesi 2025

agar mereka lebih bersemangat dalam pembelajaran mereka terutama apabila berada di alam sekolah menengah yang lebih mencabar.

DARI MAHKAMAH

Dihukum penjara, sebat akibat kes pecah rumah

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 November. - Mahkamah Rayuan di sini hari ini mengurangkan hukuman penjara ke atas seorang lelaki berusia 38 tahun yang merupakan pesalah berulang kes pecah rumah daripada 12 tahun tujuh bulan kepada lapan tahun dan empat sebatan, selepas memutuskan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Pertengahan telah dikira dengan salah dan adalah terlalu tinggi secara tidak seimbang.

Awang Haji Mohammad Reduan bin Hussin (defendan) sebelum ini disabitkan atas empat kesalahan pecah rumah dan satu pertuduhan menyebabkan kecederaan, yang semuanya dilakukan di kawasan Kampung Madang antara 2021 dan 2022.

Defendan pada mulanya mengaku tidak bersalah dan dibicarakan bersama dua rakan defendan, sebelum kemudian menukar pengakuannya bagi beberapa pertuduhan.

Mahkamah Pertengahan kemudian menjatuhkan hukuman penjara lebih 12 tahun dan enam sebatan, dengan mengambil kira rekod jenayahnya yang panjang, termasuk 21 sabitan berkaitan kecurian, serta keseriusan kesalahan-kesalahan berkenaan, yang melibatkan menceroboh rumah dan sebuah sekolah, serta melepaskan peluru lastik ke arah seorang penduduk yang memarahinya.

Namun, Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon bersama Hakim Michael Lunn dan Hakim Edward Timothy Starbuck Woolley, pada 19 November, menyatakan bahawa keputusan terdahulu itu melibatkan 'kesilapan Aritmetik' dan memberikan terlalu banyak pertimbangan kepada satu kes terdahulu yang melibatkan kesalahan yang jauh lebih banyak.

Mahkamah Rayuan turut menyatakan bahawa defendan hanya mempunyai empat sabitan pecah rumah, berbanding 17 pertuduhan dalam kes rujukan yang digunakan oleh hakim perbicaraan.

Para hakim rayuan juga mengkritik kelewatan hampir dua tahun antara permulaan perbicaraan dan hukuman, sambil menyifatkan penanguhan berulang kali itu sebagai 'tidak wajar' dan tidak membantu dalam pentadbiran keadilan.

Walaupun mengekalkan sebahagian besar hukuman bagi setiap pertuduhan, mahkamah memutuskan bahawa jumlah keseluruhan hukuman berkenaan adalah 'terlalu berat secara nyata' dan mengira semula hukuman yang sesuai.

Mahkamah juga memuji pihak pendakwaan atas hujahan mereka yang adil dan seimbang, sambil menyatakan bahawa pihak pendakwa sendiri menonjolkan kesilapan pengiraan hukuman dan bersetuju bahawa jumlah hukuman penjara seharusnya berada dalam lingkungan lapan hingga sembilan tahun.

Pendakwaan dikendalikan oleh Emily Goh, manakala defendan tidak diwakili peguam.



NATIONAL ROAD SAFETY COUNCIL
BRUNEI DARUSSALAM

Jangan Memandu Dibawah Pengaruh



Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA



Always Wear a
seatbelt



No mobile
phones while
driving



Speeding is
dangerous



Do not drive
under influence



Wear helmet and
proper attire
while riding



Always watch
out for other road
users



Always
check tyres

www.mkkjr.gov.bn



Aku Reda, Mencintai, Memberi dan Hidup

Oleh : N'E
Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif,
Bahagian Pelita Brunei

AKU masih lagi ingat bagaimana semuanya bermula. Bulan itu sudah masuk dua bulan aku tidak datang haid. Dalam hati, aku mula berharap - mungkin kali ini aku benar-benar hamil kerana setiap bulan sebelumnya, aku selalu buat ujian kehamilan, tapi hasilnya tetap sama - negatif. Namun kali ini aku rasalain. Badan cepat letih, selera makan berubah dan dada terasa berat. Tapi di sebalik semua itu, ada rasa ragu yang sukar untuk aku hilangkan.

"Atau mungkin sebab tekanan kerja atau perubahan hormon," fikirku dengan hati yang mula risau.

Akhirnya aku kuatkan diri untuk ke klinik swasta - bukan semata-mata kerana aku ingat aku hamil, tapi kerana aku ingin tahu apa sebenarnya yang berlaku. Aku sudah terlalu kerap menaruh harapan, hanya untuk kecewa setiap kali garis kedua itu tidak muncul.

Doktor di klinik memeriksa dengan teliti sebelum berkata perlahan.

"Rahim puan nampak sedikit tidak normal. Ada ketumbuhan kecil di bahagian dalam. Saya sarankan agar puan buat pemeriksaan lanjut di hospital kerajaan, ya. Mungkin bukan apa-apa serius, tapi lebih baik kita pasti".

Aku hanya mengangguk, cuba menenangkan hati. Dalam perjalanan pulang, fikiran berputar - antara cemas dan menafikan. Aku masih mahu percaya mungkin semuanya akan baik-baik saja.

Beberapa hari kemudian, aku ke klinik kerajaan untuk meminta surat rujukan ke Bahagian Ginekologi di hospital besar. Doktor di sana mengatur temu janji ujian lanjut untukku.

Selang beberapa minggu selepas itu, aku menerima satu notifikasi untuk menghadiri temu janji di hospital besar. Pada hari tersebut, aku membawa bersama hasil imbasan yang aku pernah buat di klinik swasta dan menunjukkannya kepada doktor. Doktor itu mengangguk kecil, lalu terus menjalankan pemeriksaan Pap Smear untuk mengambil sampel, sebelum meneruskan dengan imbasan *ultrasound*. Suasana bilik begitu senyap, hanya bunyi mesin dan degupan jantungku yang terasa kuat di telinga.

Beberapa hari selepas ujian, telefon bimbitku berdering memaparkan nombor telefon yang aku tidak kenali. Dengan hati yang berdebar lalu aku tekan butang hijau dan menjawab panggilan itu.

"Assalamualaikum, boleh saya bercakap

dengan Puan Nur Aina?" suara jururawat kedengaran lembut di hujung talian.

"Doktor ingin berjumpa dengan Puan untuk berbincang mengenai keputusan ujian puan esok pagi. Kalau boleh bawa suami puan sekali ya".

Nada suaranya yang sopan dan tenang, tapi cukup membuatkan jantungku berdegup kencang. Malam itu aku tidak dapat melelapkan mataku. Fikiran ku begitu bercelaru, aku berdoa dalam diam dan berharap - mungkin doktor cuma nak sahkan semuanya okay sahaja hanya hormonku tak seimbang, bukan apa-apa yang teruk.

Ketika itu suamiku perasan kegelisahan di wajahnya.

"Sayang, jangan fikir yang bukan-bukan dulu okay? InsyaaAllah esok kita dengar sendiri dari doktor ya?"

Aku hanya mampu mengangguk. Tapi jauh di dalam hatiku, aku tahu - ada sesuatu yang sedang menunggu untuk mengubah hidupku.

Pada keesokan paginya, suasana rumah terasa begitu sunyi dan senyap. Suamiku perasan ada sesuatu yang mengganggu fikiranku, tapi aku hanya tersenyum hambar dan berkata, "Tidak apa-apa, aku cuma risau sikit saja". Dia tidak banyak bertanya, sekadar menggenggam tanganku erat sebelum kami melangkah keluar menuju ke hospital.

Di ruang menunggu, jantungku berdegup kencang. Setiap kali pintu bilik doktor terbuka, aku terasa seperti nafas berhenti sejenak. Akhirnya namaku dipanggil. Aku cuba menenangkan diri, lalu melangkah masuk bersama suamiku.

Doktor menyambut kami dengan senyuman kecil - senyuman yang entah kenapa terasa berat untuk aku tafsir. Kemudian doktor melihat ke arah komputer di hadapannya. Menatap skrin untuk beberapa saat sebelum berkata perlahan, dengan nada yang membuatkan hatiku terasa berat - seolah-olah ada sesuatu yang tidak baik akan aku dengar.

"Puan Nur Aina, saya minta maaf. Berdasarkan keputusan ujian, puan disahkan menghidap Kanser Rahim Tahap Awal. Kami perlu lakukan pemeriksaan lanjut untuk pastikan tahapnya".

Kata-kata itu terasa seperti batu yang menghentam dadaku. Aku terkaku, tidak tahu harus berkata apa. Dunia di sekeliling tiba-tiba terasa gelap dan sunyi. Semua impian dan harapan - tentang anak sendiri, tangisannya, rumah yang penuh gelak tawa - lenyap begitu saja.

"Aku sangka aku sedang menunggu

kehidupan baharu..." bisikku perlahan.

"Rupanya aku sedang diuji dengan kehilangan yang tak pernah aku bayangkan".

Suamiku memegang erat tanganku. "Tak apa, kita hadapi sama-sama," katanya, cuba menenangkan. Namun di matanya, aku tahu dia juga sedang menahan rasa sedih.

Saat suamiku menggenggam erat tanganku, air mataku gugur tanpa mampu aku tahan. Dalam genggamannya, aku temui kekuatan yang selama ini aku cari - kekuatan untuk menerima, walau hati terasa seakan hancur.

Aku menutup mata, membiarkan air mata terus mengalir. Dalam hatiku, hanya satu doa yang tinggal - semoga Allah beri aku kekuatan untuk menerima kehilangan semua ini.

"Masih di peringkat awal, puan. Kami boleh bantu," sambung doktor dengan suara penuh empati. Aku mengangguk perlahan, tidak pasti sama ada kerana faham atau sekadar tidak tahu harus bagaimana. Dalam hati aku berbisik, "Ya Allah, berilah aku kekuatan."

Doktor kemudian menerangkan, berdasarkan tahap kanser, rahimku perlu dibuang dan aku tidak lagi boleh hamil. Air mataku jatuh berderai. Suamiku memeluk bahunya, menenangkan. "Yang penting, awak masih ada dengan saya," katanya perlahan.

Aku keluar dari bilik doktor dengan langkah perlahan. Dunia terasa berputar - seolah-olah semua bunyi di sekeliling tenggelam.

Malam itu aku menangis lama di dalam pelukan suamiku. Bukan kerana tidak reda, tapi kerana sedih menerima kenyataan bahawa aku tidak akan menjadi seorang ibu. Dalam diam, aku minta Allah beri aku kekuatan untuk menempuhi semua ini - bukan untuk menolak takdir, tapi untuk menerimanya dengan hati yang tenang.

Hari pembedahan tiba tanpa aku sedari. Segalanya berlaku pantas - jururawat datang silih berganti, suara mesin dan bunyi langkah di lorong hospital menjadi latar belakang yang samar. Saat dibawa masuk ke dewan bedah, aku hanya sempat menatap wajah suamiku yang berdiri di hujung pintu. Senyumannya nipis, tapi matanya... penuh doa.

Selepas itu, semuanya gelap.

Apabila aku sedar, tubuh terasa lemah. Ada perit yang menyucuk di bahagian bawah perut, tapi rasa itu tenggelam di balik kesedihan yang jauh lebih dalam. Tanganku perlahan menyentuh perut yang rata - tiada lagi rahim di situ. Tiada lagi ruang untuk kehidupan baru tumbuh.

Air mata mengalir tanpa suara. Jururawat datang memeriksa, bertanya sesuatu, tapi aku hanya mengangguk perlahan. Dalam diam, aku berjuang menahan perasaan yang sukar digambarkan - kehilangan yang bukan dapat dilihat dari luar, tapi terasa hingga ke dasar jiwa.

Beberapa hari kemudian, aku dibenarkan pulang. Suamiku setia di sisi, membantuku berjalan perlahan ke kereta. Rumah kami terasa sunyi. Di kamar tidur, aku berbaring menatap siling, cuba menerima kenyataan bahawa hidupku kini tidak sama lagi.

Selang beberapa minggu selepas pembedahan, aku mula menjalani kemoterapi dan radioterapi. Rambut gugur, tubuh lemah, kulit terasa pedih akibat radiasi. Ada hari aku hampir berputus asa, ada hari aku tersenyum walau lemah. Tapi setiap pagi aku masih mampu bangun dari katil, aku tahu - aku masih menang dalam perjuangan ini.

Akhirnya, setelah rawatan selesai, doktor berkata, "Tahniah, Puan Nur Aina. Sel kanser sudah tiada".

Air mataku jatuh lagi, tapi kali ini kerana syukur. Aku mungkin kehilangan rahim dan rambut, tapi aku masih hidup dan itu sudah cukup.

Kini, setahun selepas rawatan, hidupku jauh berbeza, tubuhku pulih, luka sembuh, rambut mula tumbuh dan hatiku juga perlahan pulih. Suamiku sentiasa di sisi dan aku belajar untuk menghargai setiap detik. Parut di perutku menjadi simbol kekuatan, bukti bahawa aku pernah jatuh tapi bangkit semula.

Malam itu, aku duduk di beranda, memandang langit yang dipenuhi dengan bintang. Angin malam menyentuh wajahku sambil menggenggam tangan suamiku, dan berbisik :

"Terima kasih, Ya Allah... kerana masih memberi aku hidup, dan kekuatan untuk terus mencintai. Aku sangka Kau ambil segalanya, rupanya Kau beri sesuatu yang lebih indah - kekuatan untuk reda".

Kerana kini aku tahu, reda bukan bermakna berhenti berharap. Kehilangan memang menyakitkan, tetapi ia tidak memusnahkan diriku - rasa syukur kerana aku masih hidup. Masih diberi peluang melihat wajah suami. Mungkin aku tidak lagi mampu melahirkan zuriat, tapi aku masih mampu mencintai, memberi dan hidup. Dan selama aku bernafas, aku akan terus hidup dengan sepenuh hati, dengan hati yang tenang walau tak semua impian menjadi kenyataan.

Dan di situlah, aku benar-benar belajar apa erti reda.



Kanak-kanak, generasi penerus negara

HARI Kanak-kanak Sedunia disambut setiap 20 November di seluruh dunia. Sambutan ini bukan sekadar hari untuk diraikan tetapi hari untuk mengingatkan kita semua bahawa kanak-kanak merupakan harapan dan masa depan negara. Kanak-kanak bukan sahaja tanggungjawab keluarga tetapi amanah bersama masyarakat dan negara untuk dipelihara, dididik dan dilindungi.

Sambutan ini mula diperkenalkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1954 dan sejak itu ia telah berkembang menjadi wadah solidariti dunia bagi memperjuangkan nasib serta masa depan golongan kanak-kanak.

Tema tahun ini

Bagi tahun 2025, tema Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia ialah 'Dengarkan Suara Masa Depan' atau 'Listen to the Future'. Tema ini membawa maksud mendalam iaitu menyeru kita semua untuk memberi perhatian kepada suara dan pandangan kanak-kanak hari ini kerana mereka inilah yang akan mewarisi dunia di masa hadapan.

Dalam era digital yang serba maju ini, kanak-kanak hidup dalam dunia yang penuh peluang dan juga cabaran terutamanya dalam aspek keselamatan siber, ketagihan digital dan kesejahteraan mental. Melalui tema ini juga, kita diajak untuk mendengar bukan sekadar dengan telinga tetapi dengan hati.

Ia mengingatkan kita bahawa masa depan yang kita impikan hanya dapat dicapai jika kita mendengar, memahami dan melibatkan kanak-kanak dalam keputusan yang memberi kesan kepada hidup mereka.

Secara umumnya, Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia membawa beberapa matlamat utama. Antara yang paling penting ialah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang keadaan dan hak kanak-kanak di seluruh dunia. Walaupun banyak negara telah mencapai kemajuan dalam bidang pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial, masih ada sebilangan kanak-kanak yang menghadapi pelbagai bentuk kesukaran. Kanak-kanak dalam lingkungan tertentu masih berdepan risiko kemiskinan,

kekurangan nutrisi, keganasan rumah tangga, konflik peperangan dan ketidaksetaraan pendidikan. Melalui sambutan ini, masyarakat diingatkan untuk tidak melupakan tanggungjawab mereka terhadap golongan ini.

Aspek pendidikan

Dalam sudut pendidikan, kanak-kanak zaman kini menghadapi perubahan pesat dari segi teknologi dan maklumat. Oleh itu, pendidikan yang disediakan kepada mereka perlu seimbang dan holistik. Pendidikan bukan sahaja bertujuan memberi ilmu pengetahuan tetapi juga membentuk nilai moral, kreativiti, kemahiran berfikir kritis dan keupayaan menyelesaikan masalah. Kanak-kanak bertanggungjawab dan mempunyai keupayaan berinteraksi secara berkesan dalam masyarakat. Sistem Pendidikan yang berkualiti bukan sahaja memberi manfaat kepada kanak-kanak tetapi juga menyumbang kepada kemajuan negara dalam jangka panjang.

Aspek kesihatan

Selain pendidikan, kesihatan merupakan aspek utama yang tidak boleh diabaikan. Kanak-kanak memerlukan pemakanan seimbang, penjagaan kesihatan yang berkualiti serta persekitaran yang selamat untuk membesar dengan baik. Usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pemakanan sihat harus diberi keutamaan kerana pemakanan yang tidak mencukupi boleh menjejaskan pertumbuhan fizikal dan perkembangan mental kanak-kanak. Kesihatan mental kanak-kanak juga perlu diberi perhatian. Tekanan persekitaran, konflik keluarga dan masalah sosial boleh memberi kesan terhadap keadaan emosi mereka. Oleh itu, sokongan moral dan psikologi adalah sama pentingnya dengan penjagaan fizikal.

Aspek keselamatan

Keselamatan fizikal dan emosi kanak-kanak turut menjadi tumpuan. Kesedaran kanak-kanak walaupun kecil bilangannya, tetap menjadi isu serius yang memerlukan perhatian segera.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Foto : Jabatan Penerangan

Kanak-kanak harus dibesarkan dalam persekitaran yang bebas daripada keganasan, pengabaian dan tekanan emosi. Mereka berhak didengar, dihargai dan disayangi. Tanggungjawab memelihara keselamatan ini bukan hanya terletak pada bahu ibu bapa tetapi juga masyarakat dan pihak berkuasa melalui undang-undang, program kesedaran serta sokongan kepada mangsa.

Sambutan di Negara Brunei Darussalam

Bagi Negara Brunei Darussalam, tahun ini merupakan kali Ke-19 Hari Kanak-kanak Sedunia diraikan dan akan diungkayahkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama dan sokongan dari agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Pada 20 November, Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia akan dimulakan dengan acara Doa Kesyukuran dan Qunut Nazilah secara serentak di sekolah-sekolah di seluruh negara. Dengan adanya acara tersebut, JAPEM ingin menjadikannya sebagai satu praktis atau amalan yang akan dibuat setiap tahun agar pelajar-pelajar tahu bahawa 20 November adalah Hari Kanak-kanak dan tujuan acara tersebut dibuat juga adalah untuk memohon doa agar kanak-kanak sentiasa diberkati, dilindungi dan dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon doa untuk rakyat di Palestin.

Dengan amalan ini bukan sekadar simbolik tetapi untuk menanam nilai syukur, empati dan kasih sayang dalam jiwa kanak-kanak kita. Ia juga mengingatkan orang bahawa kanak-kanak di seluruh dunia tidak semua hidup dalam keadaan aman seperti di negara ini. Melalui doa dan kesederhanaan ini, kita dapat memupuk generasi yang lebih prihatin dan penyayang.

Pelbagai aktiviti diadakan

Pelbagai aktiviti juga akan diadakan bagi meraikan sambutan tahun ini dengan kerjasama pelbagai kementerian, agensi

dan rakan strategik. Selain Doa Kesyukuran, sambutan akan merangkumi perutusan khas dari Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad serta lampu warna biru akan dinyalakan di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin (SHOAS) dan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dari 20 hingga 22 November. Warna biru digunakan di seluruh dunia membawa maksud keamanan, perlindungan dan harapan bagi semua kanak-kanak dan di negara ini. Warna tersebut juga disatukan dengan warna merah, hijau dan putih sebagai tanda solidariti kita terhadap kanak-kanak di Palestin.

Antara acara utama ialah forum 'Voices of Children Connect and Protect' yang akan diadakan pada 22 November. Forum tersebut menghimpunkan pelajar berumur 15 hingga 17 tahun termasuk pelajar berkeperluan khas untuk berkongsi pandangan mereka mengenai isu-isu semasa seperti keselamatan digital, isu buli, kesihatan mental dan tanggungjawab sosial dalam alam maya. Melalui forum ini, kita akan mendengar anak muda di negara ini menyampaikan tentang bagaimana mereka melihat dunia digital pada masa kini dan apa yang mereka harapkan daripada orang dewasa yang membimbing mereka. Seterusnya, acara kemuncak ialah World Children's Day Celebration dengan Brunei Paediatric Society yang akan diadakan pada Ahad, 23 November 2025 di OneCity Shopping Complex.

Penutup

Sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia ialah wadah penting yang mengingatkan masyarakat tentang tanggungjawab besar dalam memastikan masa depan generasi muda berada di landasan yang betul. Sebagai generasi penerus, kanak-kanak membawa harapan dan masa depan sesebuah negara. Oleh itu, menjadi tanggungjawab bersama untuk memastikan mereka membesar sebagai individu yang sihat, berpengetahuan, berakhlak baik dan berdaya tahan menghadapi cabaran.



KOMET 3I/ATLAS TIDAK HENTAM BUMI - NASA

WASHINGTON, 20 Nov. - Pentadbiran Aeronautik dan Angkasa Lepas Kebangsaan (NASA) pada Rabu menegaskan bahawa Komet 3I/ATLAS tidak akan menghampiri Bumi atau mana-mana planet lain dalam sistem suria, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"Tidak, itu tidak akan berlaku... Semua yang berada dalam sistem suria kita akan baik-baik saja," kata Nicky Fox, pentadbir bersekutu di Direktorat Misi Sains NASA, ketika ditanya sama ada komet itu mungkin melintasi berhampiran mana-mana planet.

Pemangku Pengarah Bahagian

Astrofizik NASA, Shawn Domagal-Goldman menjelaskan bahawa gas dan habuk yang terhasil ketika komet meruap, bertindak seperti dorongan kecil ibarat enjin roket mini yang mengubah haluan komet.

Beliau berkata hal itu lazimnya menyebabkan perubahan kecil pada orbit komet dan keadaan ini sedang dipantau rapi.

3I/ATLAS mula dapat dilihat dari Bumi pada awal November. Beberapa media asing turut membuat spekulasi bahawa komet itu mungkin kapal angkasa makhluk asing.

Teleskop Angkasa Hubble

merakam imej komet berkenaan pada 21 Julai ketika ia berada 279 juta batu dari Bumi, menurut NASA.

Sementara itu, Agensi Akhbar Jerman (dpa) melaporkan bahawa NASA pada Rabu mengeluarkan imej Komet 3I/ATLAS, objek ketiga yang dikenal pasti memasuki sistem suria.

Imej komet berkenaan dihasilkan melalui pemrosesan data dan gabungan imej teleskop dari September hingga Oktober, menurut NASA.

Imej itu menunjukkan satuompok cahaya kabur kecil.

"Ingat, ruang angkasa itu sangat

luas. Tiada apa yang benar-benar sedekat yang kita fikirkan dan semua pemerhatian ini amat sukar dilakukan," kata Tom Statler dari NASA pada sidang media ketika imej itu dibentangkan.

Statler berkata komet itu melintasi dalam jarak 32 juta kilometer dari Marikh pada awal Oktober, "memberi peluang kepada kapal angkasa kita di Marikh untuk membuat pemerhatian dekat".

Setakat ini, tidak banyak yang diketahui tentang objek itu yang bergerak pada kelajuan 209,000 kilometer sejam merentasi sistem



suria.

Komet itu dijangka membuat lintasan terdekat dengan Bumi pada 19 Disember, kira-kira 270 juta kilometer dari planet kita.

Sebagai perbandingan, jarak purata antara bumi dan matahari adalah sekitar 150 juta kilometer.

Pakar menegaskan objek itu tidak menimbulkan sebarang ancaman. - ©BERNAMA

Kecuaian manusia berkemungkinan punca feri terkandas di pesisir barat daya Republik Korea

MOKPO (Republik Korea), 20 Nov. - Kecuaian manusia berkemungkinan menjadi punca sebuah feri terkandas berhampiran pesisir barat daya Republik Korea minggu ini, menurut Pengawal Pantai pada Khamis, lapor Yonhap News.

Feri Queen Jenuvia II seberat 26,546 tan itu membawa 246 penumpang dan 21 kru ketika ia terkandas di Pulau Jok, sebuah pulau kecil tidak berpenghuni berhampiran Pulau Jangsan di pesisir Sinan, kira-kira 366 kilometer di selatan Seoul, pada 8.17 malam (waktu tempatan) Rabu.

Dalam pusingan pertama soal siasat, kru memaklumkan kepada Pengawal Pantai bahawa jurumudi yang bertugas sedang melihat

telefon bimbit, membiarkan feri berada dalam mod pandu auto sedangkan ia sepatutnya dikendalikan secara manual ketika melalui perairan sempit.

Akibat kecuaiannya itu, feri berkenaan terkandas di Pulau Jok.

Pengawal Pantai berkata mereka merancang untuk mengenakan pertuduhan jenayah terhadap pihak yang bertanggungjawab.

Feri itu kemudian berjaya ditarik keluar sebelum belayar ke pelabuhan berhampiran di bandar Mokpo pada 5.44 pagi (waktu tempatan), kira-kira sembilan jam selepas kejadian.

Tiada kebocoran atau kerosakan dikesan pada kapal.

Semua penumpang dibawa ke darat dalam tempoh tiga jam

selepas kejadian, manakala kru kekal di atas kapal bagi membantu mengendalikan feri itu ke pelabuhan.

Tiada penumpang dilaporkan cedera parah, namun beberapa orang dihantar ke hospital selepas mengadu sakit ringan atau mengalami gangguan emosi.

Pengendali feri, Seaworld, berkata semua perkhidmatan digantung sehingga siasatan dan pemeriksaan keselamatan selesai.

Penumpang turut dimaklumkan untuk mengeluarkan kenderaan dan bagasi selepas feri tiba di pelabuhan.

Sebanyak 118 kenderaan berada di atas feri itu ketika ia dalam perjalanan dari pulau selatan Jeju ke Mokpo. - ©BERNAMA

Kenya berjaga-jaga susulan wabak Virus Marburg di Ethiopia

NAIROBI, 19 Nov. - Kenya pada Selasa memaklumkan bahawa pihak berkuasa kesihatannya kini berada pada tahap berjaga-jaga selepas tiga kematian berkaitan penyakit Virus Marburg (MVD) dilaporkan di negara jirannya, Ethiopia, lapor Xinhua.

Institut Kesihatan Awam Kebangsaan Kenya (KNPHI) berkata walaupun tiada kes dikesan di Kenya setakat ini, risiko penularan tetap tinggi berikutan pergerakan keluar masuk yang besar dari Ethiopia melalui lapangan terbang antarabangsa dan pintu sempadan darat.

Keadaan itu menjadikan potensi

kemasukan virus sebagai isu kesihatan awam serius yang perlu ditangani segera.

"Memandangkan kadar kematian penyakit MVD yang tinggi, pihak pentadbiran daerah digesa memperkukuh langkah pencegahan bagi melindungi kesihatan rakyat," menurut nasihat KNPHI yang dikeluarkan di Nairobi.

Institut itu turut menggesa daerah-daerah meningkatkan kesedaran dalam kalangan petugas kesihatan mengenai definisi standard bagi kes demam berdarah virus, selain memperkukuh pemantauan di pintu

masuk negara, fasiliti kesihatan dan komuniti bagi memastikan kes disyaki dapat dikesan dan dilaporkan dengan pantas.

Nasihat berkenaan dikeluarkan susulan pengesahan Kementerian Kesihatan Ethiopia mengenai wabak MVD di Jinka, di wilayah selatan negara itu - yang pertama dilaporkan di Ethiopia.

Menurut KNPHI, wabak dan kes sporadik MVD sebelum ini pernah berlaku di beberapa negara Afrika termasuk Angola, Republik Demokratik Congo, Ghana, Kenya, Equatorial Guinea, Rwanda, Afrika Selatan, Tanzania dan Uganda. - ©BERNAMA

5 pelancong asing maut dalam ribut salji di Republik Chile

SANTIAGO, 19 Nov. - Lima pelancong asing maut selepas ribut salji melanda Taman Negara Torres del Paine di Patagonia, selatan Republik Chile, menurut kerajaan tempatan pada Selasa, lapor Xinhua.

Jose Antonio Ruiz, wakil presiden bagi Wilayah Magallanes dan Antartika Republik Chile, berkata mangsa terdiri daripada

dua warga Mexico, dua warga Republik Persekutuan Jerman dan seorang wanita Britain, kesemuanya merupakan ahli kumpulan pelancongan yang melawat taman berkenaan.

Ruiz berkata para pelancong berkenaan dipercayai sesat ketika berjalan di kawasan Los Perros, yang terletak kira-kira 11 kilometer dari pintu masuk taman.

"Malangnya, lima mangsa ini masih dalam fasa perancangan pemindahan serta prosedur konsular berikutan kerakytan mereka," katanya.

Ruiz mengesahkan bahawa mayat mangsa akan dibawa keluar menggunakan helikopter dari kawasan yang "amat sukar diakses" apabila keadaan cuaca mengizinkan. - ©BERNAMA

70 hilang selepas bot terbalik di DR Congo

KIGALI (Rwanda), 20 Nov. - Kira-kira 70 orang dilaporkan hilang selepas sebuah bot terbalik di sebatang sungai di Wilayah Kasai, Republik Demokratik Congo, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan pada Rabu.

Bot itu dilaporkan dalam perjalanan ke ibu negara Kinshasa dari pelabuhan Bena Dibele, lebih 800 kilometer dari lokasi kejadian, sebelum karam pada Isnin di Sungai Sankuru, menurut radio Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

"Bot itu membawa kira-kira 120 orang. Setakat ini 50 orang berjaya diselamatkan dan usaha mencari mereka yang hilang masih diteruskan," menurut laporan itu, memetik pentadbir tempatan Francois Ahoka.

Ahoka turut menekankan kesukaran yang dihadapi pasukan penyelamat dan menggesa keluarga supaya terus berhubung dengan pihak berkuasa tempatan bagi tujuan mengenal pasti mangsa terselamat dan mayat yang dijumpai. - ©BERNAMA

Seorang hilang dalam kebakaran musnahkan 170 bangunan di bandar Oita, Jepun

OITA (Jepun), 19 Nov. - Seorang lelaki berusia lingkungan 70-an dilaporkan hilang selepas kebakaran besar memusnahkan lebih 170 bangunan di kawasan kediaman padat di bandar Oita, menurut pihak berkuasa tempatan pada Rabu, lapor Kyodo News.

Pasukan bomba masih berusaha memadam kebakaran yang tercetus di daerah Saganoseki di bandar barat daya Jepun itu pada Selasa.

Pihak berkuasa bandar Oita memaklumkan lebih 170 penduduk telah dipindahkan.

Kebakaran yang dilaporkan kepada polis melalui panggilan kecemasan itu bermula di kawasan kediaman yang terletak di timur laut pelabuhan perikanan Saganoseki. - ©BERNAMA

SBPAC tubuh pusat sokongan wilayah hadapi musim banjir di selatan Thailand

YALA, 19 Nov. - Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan (SBPAC) menubuhkan Pusat Sokongan Wilayah di lima wilayah selatan Thailand sebagai persiapan menghadapi bencana banjir.

Setiausaha Agungnya Piyasiri Wattanavarangkul berkata SBPAC bersama 78 unit kerajaan tempatan, termasuk penjawat awam, polis, tentera serta Bukan Kerajaan (NGO) sedang membuat persiapan bagi membantu mangsa sekiranya berlaku banjir.

Beliau berkata lima wilayah yang dikenal pasti berisiko dilanda banjir ialah Narathiwat, Pattani, Yala, Songkhla dan Satun.

"Persiapan ini adalah selaras dengan arahan Perdana Menteri (Anutin Charnvirakul) yang mahukan semua pihak sentiasa bersiap siaga menghadapi kemungkinan berlakunya banjir kilat pada bila-bila masa, khususnya di kawasan berisiko tinggi," katanya kepada pemberita di sini, pada Rabu.

Menurut beliau, Pusat Sokongan Wilayah yang ditubuhkan itu akan dipengerusikan oleh SBPAC dengan Komander Tentera Bahagian Ke-4 sebagai penasihat, manakala para gabenor wilayah berkenaan akan bertindak sebagai timbalan pengerusi.

Baru-baru ini, Jabatan Meteorologi Thailand mengeluarkan amaran mengenai hujan lebat yang dijangka melanda wilayah selatan serta angin kencang di Teluk Thailand dari 17 hingga 23 November 2025.

Banjir tahun lepas dilaporkan mengorbankan 12 mangsa dan menjejaskan 1.78 juta penduduk di lima wilayah selatan Thailand. - ©BERNAMA



INDUSTRI AUTOMOTIF JERMAN CATAT PARAS PEKERJAAN TERENDAH DALAM 14 TAHUN

BERLIN, 21 Nov. - Pekerjaan dalam sektor automotif Jerman jatuh ke paras terendah dalam 14 tahun, berikutan kelembapan ekonomi yang berpanjangan memberi tekanan hebat kepada sektor pembuatan utama negara itu dan mendorong penurunan ketara dalam pekerjaan industri.

Jumlah pekerjaan dalam industri automotif berkurangan sebanyak 48,700 pada akhir suku ketiga berbanding setahun sebelumnya, mencatatkan penurunan sebanyak 6.3 peratus, menurut Pejabat Perangkaan Persekutuan (Destatis). Ini merupakan kejatuhan paling ketara dalam kalangan sektor industri utama yang mempunyai lebih 200,000 pekerja.

Industri automotif, sektor kedua terbesar di Jerman selepas kejuruteraan mekanikal, kini mempunyai 721,400 pekerja.

Jumlah ini hanya sedikit lebih tinggi daripada paras terendah yang dicatatkan sejak 2011, menurut Destatis.

Kemerosotan jauh lebih teruk bagi pembekal berbanding pengeluar kereta. Pengeluar kenderaan dan enjin, yang membabitkan kira-kira 60 peratus pekerja dalam sektor ini, melaporkan penurunan pekerjaan sebanyak 3.8 peratus berbanding tahun lalu.

Sementara itu, syarikat pembekal alat ganti pula kehilangan lebih banyak pekerja, iaitu 11.1 peratus. Destatis berkata, kelemahan ini turut ketara di seluruh sektor pembuatan yang lebih luas.

Tenaga kerja industri di ekonomi terbesar Eropah itu berjumlah 5.43 juta pada akhir suku ketiga, susut sebanyak 120,300 pekerjaan atau 2.2 peratus berbanding setahun lalu. Pengurangan ketara juga direkodkan dalam industri pengeluaran dan pemrosesan

logam, serta dalam pembuatan peralatan elektronik dan optik.

Semakin banyak syarikat di negara itu memindahkan operasi ke luar negara kerana berhadapan dengan kos yang meningkat, tiada peningkatan dalam permintaan dan kekurangan pekerja mahir.

Data Destatis berasingan yang dikeluarkan pada Rabu menunjukkan bahawa antara 2021 dan 2023, kira-kira 1,300 syarikat Jerman dengan sekurang-kurangnya 50 pekerja telah memindahkan sebahagian atau seluruh operasi perniagaan mereka ke luar negara, mengakibatkan kehilangan bersih sebanyak 50,800 pekerjaan.

Kebanyakan syarikat menjelaskan kos buruh yang lebih rendah di luar negara merupakan punca utama pemindahan, manakala kelebihan kos lain dan ketersediaan pekerja mahir yang lebih baik juga memainkan peranan, menurut Destatis. - ©XINHUA



ORANG ramai melawat zon pameran BMW di Open Space IAA Mobility 2025 di Munich, Jerman, 11 September 2025.

Hampir suku penduduk Somalia berdepan kelaparan akut – WFP

MOGADISHU (Somalia), 21 Nov. - Hampir suku penduduk Somalia berdepan kelaparan akut, dengan 1.85 juta kanak-kanak bawah umur lima tahun berisiko mengalami kekurangan zat makanan teruk, menurut amaran Program Makanan Sedunia (WFP) pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

WFP dalam satu kenyataan berkata prospek iklim negara di Tanduk Afrika itu kekal suram, dengan fenomena La Nina dan Dwikutub Lautan Hindi negatif dijangka menyebabkan corak hujan yang tidak menentu dan kemarau berpanjangan di seluruh negara.

"Keadaan dijangka memburukkan lagi kemarau di utara, menggagalkan usaha pemulihan di selatan, serta meningkatkan risiko kegagalan tanaman, kehilangan ternakan dan kekurangan air," menurut kenyataan itu.

Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (OCHA) turut melaporkan bahawa keadaan kemarau bertambah buruk di wilayah utara dan kini merebak ke bahagian tengah dan selatan Somalia.

Situasi amat serius di wilayah Nugaal, Mudug, Bari dan Sanaag, yang mengalami musim hujan lemah untuk kali keempat berturut-turut. "Jutaan orang berisiko menghadapi kebuluran dan kekurangan zat makanan yang semakin teruk akibat kekurangan pembiayaan," amaran pejabat PBB itu.

Pada November, jumlah penerima bantuan makanan dijangka merosot kepada 350,000 orang, berbanding 1.1 juta pada Ogos, menurut OCHA.

PBB, memetik pihak berkuasa tempatan, berkata harga air meningkat daripada US\$12 kepada US\$15 bagi setiap tong 200 liter dan dijangka terus naik, menambah tekanan ke atas hampir 35,000 penduduk yang dipindahkan di beberapa bahagian negeri Puntland.

Somalia mengalami lima musim hujan yang gagal berturut-turut antara hujung 2020 dan hujung 2022 - tempoh terpanjang dalam beberapa dekad - yang membawa kepada kemarau teruk pada 2023, menyebabkan lima juta orang berada dalam keadaan kekurangan makanan akut. Menurut PBB, negara Afrika Timur itu pernah mengalami kebuluran terburuk pada 2011 yang meragut lebih 26,000 nyawa. - ©BERNAMA

Penganjuran COP30 sebelum ini turut dibayangi cabaran logistik yang serius di Belem, termasuk infrastruktur terhad dan kos penginapan yang meningkat.

Menolak kebimbangan mengenai masa depan persidangan itu, Sabino berkata kepada media bahawa "perkara seperti ini boleh berlaku di mana-mana sahaja di dunia". "Persidangan tidak akan

dibatalkan, malah ia menunjukkan kejayaan".

Sidang kemuncak itu pada awalnya dijadual tamat pada Jumaat, namun para perunding terlewat tarikh akhir Rabu untuk mencapai kata sepakat dalam kalangan hampir 200 negara berhubung hala tuju peralihan tenaga, penghapusan bahan api fosil dan rundingan adaptasi perubahan iklim. - ©BERNAMA

Lebih 400 juta kanak-kanak di seluruh dunia terjejas akibat kemiskinan - UNICEF

GENEVA, 21 Nov. - Seramai 417 juta kanak-kanak di negara berpendapatan rendah dan sederhana mengalami kekurangan ketara dalam aspek pendidikan, kesihatan dan pemakanan, menurut laporan agensi kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) yang dikeluarkan pada Khamis, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

UNICEF berkata kanak-kanak di sub-Sahara Afrika merupakan kumpulan paling terjejas, manakala Asia Selatan, Asia Timur dan Pasifik turut mencatat kadar kekurangan yang tinggi.

Organisasi itu berkata

"kemajuan ketara" dalam memerangi kemiskinan kanak-kanak sejak awal abad ini kini berada dalam keadaan berisiko, susulan kerajaan di seluruh dunia mengurangkan pembiayaan penting untuk kerjasama pembangunan dan bantuan kemanusiaan.

"Perubahan iklim dan konflik mengancam pendorongan lebih banyak keluarga jatuh ke dalam kemiskinan," menurut laporan itu.

Menurut UNICEF, 412 juta kanak-kanak di seluruh dunia terjejas oleh kemiskinan monetari, iaitu hidup dengan kira-kira US\$3 sehari, namun angka itu "hanya

menceritakan sebahagian daripada kisah sebenar".

"Kekurangan sanitasi adalah paling meluas, dengan 65 peratus kanak-kanak di negara berpendapatan rendah tidak mempunyai akses kepada tandas," katanya. Pengarah Eksekutif UNICEF Catherine Russell berkata kemiskinan kanak-kanak berjaya dikurangkan secara signifikan antara 2014 dan 2024 hasil usaha politik.

Beliau menggesa kerajaan dan sektor perniagaan menyediakan dana bagi perkhidmatan penting untuk kanak-kanak dan bukannya menarik balik pembiayaan. - ©BERNAMA

Kebakaran ganggu Sidang Kemuncak COP30 di Brazil

BOGOTA (Colombia), 21 Nov. - Kebakaran memaksa pemindahan Sidang Kemuncak Iklim COP30 di bandar Belem, Brazil pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi memetik seorang pegawai.

Kebakaran itu berlaku di sebuah pavilion dalam pusat konvensyen yang menempatkan lebih 50,000 diplomat, wartawan dan aktivis yang menghadiri rundingan iklim global itu.

Kebakaran bermula sejurus sebelum 2.30 petang waktu tempatan di sebuah khemah dalam "Zon Biru", kawasan yang diuruskan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang menempatkan pavilion dan bilik rundingan.

Rakaman di media sosial menunjukkan orang ramai berlari menyelamatkan diri daripada asap dan api ketika pasukan keselamatan mengarahkan pemindahan segera.

Asap tebal dengan pantas memenuhi dewan utama, tempat Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres menyampaikan ucapan beberapa minit sebelum kejadian.

Api yang marak membakar bumbung, menyebabkan ia

merebak ke struktur bersebelahan.

Pasukan bomba dari balai berhampiran bertindak pantas dan berjaya mengawal kebakaran dalam tempoh beberapa minit.

Menteri Pelancongan Brazil, Celso Sabino mengesahkan tiada kecederaan dilaporkan.

"Syukur tiada siapa cedera, hasil tindakan cepat pasukan keselamatan dan Jabatan Bomba Para," katanya.

Sabino kemudian menyatakan punca kebakaran kemungkinan besar berpunca daripada litar pintas.

Situasi kemanusiaan pelarian Sudan semakin parah

HAMILTON (Kanada), 21 Nov. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Khamis menyuarakan kebimbangan terhadap situasi kemanusiaan yang kian merosot di Darfur dan Kordofan, sambil melaporkan peningkatan mendadak keperluan bantuan berikutan gelombang perpindahan besar-besaran, menurut Anadolu Ajansi.

"Rakan-rakan kemanusiaan melaporkan lebih 100,000 orang melarikan diri dari El Fasher dan

kawasan sekitar sejak akhir Oktober, ketika kawasan itu dikuasai Rapid Support Forces (RSF)," kata jurucakap PBB Stephane Dujarric pada sidang media, sambil menambah bahawa "ramai masih tidak dapat dikesan".

Beliau menegaskan bahawa mereka yang melarikan diri dari El Fasher tiba di lokasi penempatan semula dalam keadaan yang sangat teruk.

Kumpulan bantuan sedang

menyediakan sokongan kecemasan termasuk air, sanitasi, makanan dan rawatan perubatan.

Di Tawila, Tabung Kanak-Kanak PBB (UNICEF) menyampaikan perkhidmatan kesihatan dan pemakanan kepada lebih 3,500 pesakit sejak akhir Oktober, menjalankan saringan malnutrisi terhadap hampir 800 kanak-kanak serta membekalkan 150,000 liter air setiap hari bagi memenuhi keperluan kira-kira 20,000

orang.

Dujarric berkata peningkatan serangan di seluruh wilayah Kordofan terus memaksa keluarga meninggalkan rumah mereka dan pada Selasa, lebih 600 orang dipindahkan dari dua kampung di Kordofan Utara dan Selatan.

Memetik Pertubuhan Antarabangsa untuk Migrasi (IOM), beliau melaporkan bahawa hampir 40,000 penduduk telah dipindahkan di seluruh Kordofan Utara sejak 26

Oktober.

"Kami terus menyeru akses selamat dan tanpa halangan bagi menyalurkan bantuan menyelamatkan nyawa ke Kordofan, Darfur dan seluruh Sudan," katanya.

Tentera Sudan dan pasukan separa tentera RSF terlibat dalam perang yang memusnahkan negara itu sejak 15 April 2023, meragut ribuan nyawa dan memaksa jutaan penduduk meninggalkan rumah masing-masing. - ©BERNAMA

MEMACU KEMAJUAN SOSIAL MELALUI JARINGAN KERJASAMA BIDANG SUKAN

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 20 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum hari ini mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC) Kali Ke-58 bagi Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14), Tahun 2025 yang berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal

Bolkiah. Mesyuarat didahului dengan ucapan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam, Dr. Haji Azman bin Ahmad, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja ASG14. Ini diikuti ucapan daripada Timbalan Menteri Pendidikan dan

Sukan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Kingmano Phommahaxay selaku Presiden ASSC.

Mesyuarat berkenaan dihadiri oleh wakil dan ahli jawatankuasa daripada 10 buah negara ASEAN yang menyertai ASG14, Tahun 2025.

Selain itu, mesyuarat juga membincangkan perkara-perkara, iaitu menerima laporan mengenai persediaan Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-15, Tahun 2026 oleh tuan rumah, Republik Indonesia di samping pengesahan kalendar acara penentuan tuan rumah bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN bagi tempoh 2026 hingga 2030.

ASSC telah ditubuhkan pada 1978, dan antara penganjuran terbesar di bawah naungannya

MESYUARAT Jawatankuasa Pengurusan Majlis Sukan Sekolah-sekolah ASEAN (ASSC) Kali Ke-58 bagi Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14), Tahun 2025 telah berlangsung di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam hadir selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja ASG14 (kiri), manakala gambar kanan, Timbalan Menteri Pendidikan dan Sukan, Republik Demokratik Rakyat Lao, Tuan Yang Terutama Kingmano Phommahaxay hadir selaku Presiden ASSC.

ialah Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah ASEAN, yang pertama kali dianjurkan pada 2009 di Thailand.

Penubuhan ASSC antara lain bertujuan untuk memupuk kerjasama lebih erat dalam kalangan pelajar sekolah di negara-negara ASEAN, di samping memacu kemajuan sosial melalui jaringan kerjasama dalam bidang sukan serta menggalakkan

kerjasama dan komunikasi yang lebih aktif dalam pembangunan sukan.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyumbang kepada keamanan dan kestabilan rantau ASEAN, melahirkan atlet elit masa hadapan di rantau ASEAN, dan mendukung dasar Negara Anggota ASEAN ke arah pembentukan masyarakat yang sihat melalui penglibatan aktif dalam aktiviti sukan.



Kejohanan Bola Keranjang ASG14 bermula



ANTARA aksi pemain dalam Kejohanan Bola Keranjang sempena Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 (atas dan bawah).

BERAKAS, Jumaat, 21 November. - Kejohanan rasmi Sukan Sekolah-sekolah ASEAN Ke-14 (ASG14) Tahun 2025 bermula hari ini, menandakan pelancaran acara melibatkan lapan jenis

sukan yang menghimpunkan atlet - pelajar daripada 10 negara ASEAN yang menyertai.

Kejohanan hari ini menyaksikan tiga acara sukan dipertandingkan iaitu bola keranjang, sepak takraw

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

dan badminton.

Pada Kejohanan Bola Keranjang yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal

Bolkiah, Berakas pada sebelah pagi menyaksikan perlawanan antara Pasukan Wanita Republik Filipina menentang Pasukan Wanita Republik Singapura dan Pasukan Lelaki Republik Filipina menentang Pasukan Lelaki Malaysia.

Sementara itu, pada sebelah petang pula menyaksikan Pasukan Bola Keranjang Lelaki Negara Brunei Darussalam menentang Pasukan Lelaki Republik Singapura dan Pasukan Lelaki Republik Indonesia menentang Pasukan Lelaki Republik Kesatuan Myanmar. Manakala pada sebelah malam pula, perlawanan menyaksikan di antara Pasukan Lelaki Thailand menentang Pasukan Lelaki dari Republik Sosialis Viet Nam.

ASG14 akan berlangsung dari 20 hingga 28 November 2025. Kejohanan pada tahun ini melibatkan penyertaan lebih 900 atlet-pelajar yang akan bertanding dalam lapan acara sukan terdiri daripada badminton, bola keranjang, bola jaring, olahraga, sepak takraw, renang, pencak silat dan wushu.

Untuk maklumat lanjut mengenai ASG14, orang ramai boleh melayari laman sesawang rasmi di <https://ease.moe.gov.bn/ASG14> serta mengikuti Instagram rasmi di @14thASEANSchoolsGames.



BDAS sertai Asian Dodgeball Championship



BARISAN pemain Dodgeball Kebangsaan Brunei yang menyertai Asian Dodgeball Championship di Kombes, Shah Alam, Malaysia.

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Dodgeball Association

SHAH ALAM, MALAYSIA, Jumaat, 21 November. - Brunei Dodgeball Association (BDAS) telah menghantar satu pasukan terdiri daripada 12 pemain untuk menyertai Asian Dodgeball Championship (ADC) yang berlangsung selama empat hari bermula 20 hingga 23 November 2025 di Kombes, Shah Alam, Malaysia.

Sebanyak 11 negara Asia berentap bagi merebut gelaran Asian Dodgeball Champion 2025, antaranya Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Australia, Republik Rakyat China, Hong Kong, Jepun, Republik India, Nepal dan Arab Saudi.

Para pemain Dodgeball Kebangsaan Brunei, yang telah menjalani latihan intensif sebagai persiapan, menampilkan aksi bertenaga dan penuh semangat dalam usaha membawa nama negara di persada antarabangsa. Pasukan Dodgeball Brunei turut menyasarkan untuk meraih gelaran juara dalam pertandingan tersebut.

Brunei Dodgeball Association berharap penyertaan ini dapat meningkatkan peluang NBD untuk terus bersaing di peringkat antarabangsa serta memberi impak positif bagi mengharumkan nama negara dalam sukan Dodgeball.



BERKENAN MENGURNIAKAN PINGAT BAGI ACARA OLAHRAGA 4X100 METER WANITA

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan dan mengurniakan pingat kemenangan (kanan sekali dan kanan).



RIYADH, ARAB SAUDI, Jumaat, 21 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke venue pertandingan Sukan Olahraga dan seterusnya mengurniakan

pingat kemenangan bagi Acara Olahraga 4x100 Meter Wanita di Prince Faisal Bin Fahad Stadium, baru-baru ini bersempena dengan Sukan Perpaduan Islam Ke-6 Tahun 2025.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah juga berkenan bergambar ramai bersama pemenang Acara

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

Olahraga 4x100 Meter Wanita. Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Berkenan menyaksikan Pertandingan Sukan Lawan Pedang



RIYADH, ARAB SAUDI, Khamis, 20 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat untuk menyaksikan Pertandingan Sukan Lawan Pedang di Boulevard 01C, di mana atlet negara, Awang Muhammad Haziq bin Asahrin bertanding dalam Acara Men's Individual Sabre.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Lawan Pedang dan seterusnya dijunjung bergambar ramai (atas kiri dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dijunjung oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi, Tuan Yang Terutama Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan mengurniakan sabda nasihat dan kata-kata motivasi kepada atlet sukan Lawan

Pedang negara.

Kategori Men's Individual Sabre telah disertai oleh 22 atlet daripada 12 buah negara iaitu Algeria, Arab Saudi, Azerbaijan, Republik Indonesia, Republik Islam Iran, Kuwait, Niger, Pakistan, Tunisia, Republik Turkiye, Uzbekistan dan Negara Brunei Darussalam. Dalam pusingan awal, para atlet telah dibahagikan kepada empat pool.

Tahukah Awda

PERPUSTAKAAN Islam Brunei Darussalam (PIBD) telah dibuka rasmi dan dinamakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 28 Jamadilawal 1422 Hijrah bersamaan 18 Ogos 2001 Masihi bersempena Ekspo Islam Antarabangsa Pertama yang dikendalikan oleh Jabatan Mufti Kerajaan. Antara objektif penubuhannya ialah menyediakan pusat sumber rujukan Islam yang komprehensif bagi penggunaan secara menyeluruh oleh segenap lapisan masyarakat pada masa kini dan pada masa hadapan.

SUMBER : mufti.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KANAK-KANAK MEMBAWA HARAPAN DAN MASA DEPAN SESEBUAH NEGARA